

فتيقن تيتاه

## PETIKAN TITAH

“DI DALAM perkara pakaian, makanan dan minuman, kita tidaklah wajar berlumba bagi mengatasi antara satu dengan yang lain. Perlumbaan di sini sangatlah dilarang, kecuali berlumba untuk mendapatkan seberapa banyak kebajikan.”  
- Titah Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1427 Hijrah / 2006 Masihi pada 1 Syawal 1427H/ 25 Oktober 2006.



**Pelita**  
**BRUNEI**

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

مانيسن ايمان

## MANISNYA IMAN

“WAHAI Nabi! Suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman supaya memakai jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka semasa keluar rumah, yang demikian itu lebih mudah untuk mereka dikenali supaya mereka tidak diganggu. Dan Allah adalah Maha Pengampun Lagi Maha Pengasih.”  
- (Surah Al Ahzab ayat 59).

TAHUN 59 / BILANGAN 34

15 MAC 2014 / 13 جمادى الأول 1435

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

# Peruntukan KHELNP, Kem. Kewangan diluluskan

Laporan :

Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang pada hari keenam meluluskan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan jumlah peruntukan disediakan BND142,878,610.

Sementara, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, pada Tahun Kewangan 2014/2015, Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya telah disediakan peruntukan sebanyak BND1,167,826,740.

Jumlah itu bertambah sebanyak BND217,467,388 dari peruntukan Tahun Kewangan 2013/2014.

Demikian Yang Berhormat menyatakan semasa menghuraikan secara ringkas mengenai tumpuan dan keutamaan Kementerian Kewangan dalam Belanjawan bagi Tahun Kewangan 2014/2015 pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh MMN di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa pertambahan itu, mengambil kira peningkatan sebanyak 0.36 peratus bagi Gaji Kakitangan; sebanyak 0.5 peratus bagi Perbelanjaan Berulang-Ulang; dan sebanyak 40 peratus bagi Perbelanjaan Khas.

Di samping itu, tambah Yang Berhormat, pada Tahun Kewangan 2014/2015 ini, kementerian tersebut akan menumpukan aktivitinya kepada

beberapa keutamaan, antaranya ialah Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Negara bagi memastikan sumber kewangan diurus secara berhemah; bagi mendukung keutamaan Belanjawan serta meningkatkan akauntabiliti di semua peringkat pengurusan Perkhidmatan Awam.

“Itu termasuklah dalam meneruskan pelaksanaan projek 'Program and Performance Budgeting' kepada semua kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, agar pengurusan perbelanjaan dibuat secara berhemah dan fokus kepada hasil atau *outcome* daripada perbelanjaan tersebut; dan Meningkatkan pemantauan pengurusan perbelanjaan oleh agensi-agensi kerajaan dalam memastikan pengurusan kewangan dibuat secara teratur mengikut Peraturan Kewangan, dengan penekanan kepada pengurusan perbelanjaan yang menjurus kepada *value for money*; mempercepatkan pembayaran tuntutan mengikut TPOR; dan memastikan kutipan hasil kerajaan dilaksanakan dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan,” ujar Yang Berhormat.

Ke muka 5



Muka 12

LIMA qari dan qariah mara ke peringkat akhir



Muka 23

PEMAIN berpotensi boleh melangkah lebih jauh

## DPMM berangkat hadiri taklimat pelaburan Kuwait



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menghadiri taklimat mengenai Pelaburan Pihak Berkuasa Umum (General Authority for Investment - GAI) di Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Pelaburan Kuwait (Kuwait Investment Authority - KIA). - Foto : Masri Osman. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 3).

## Memohon penemuan, keselamatan penumpang MH370

Oleh : Abdullah Asgar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, masjid-masjid di seluruh negara telah menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas sebagai tanda simpati dan bagi memohon penemuan dan keselamatan para penumpang pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang dilaporkan hilang sejak hari Sabtu yang lalu dengan tumpuan utama adalah di

Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan juga Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Turut berangkat sama ialah kerabat diraja yang lain.

Ke muka 24

# Media sosial menggugat kestabilan institusi keluarga

Bismillahir Rahamanir Rahim  
Asalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh

**A**LHAMDULILLAH, peramba/saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia rahmat dan izinNya jua kita dapat sama-sama hadir pada petang ini dalam Majlis Penutup Seminar Serantau Pendidikan Syariah Fiqh Al-Usrah anjuran bersama Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dengan Fakultas Syariah, Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin, Makassar, Indonesia.

Peramba/saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Seminar dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Seminar ini kerana menjemput peramba/saya hadir untuk menyempurnakan Majlis Penutup Seminar ini.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah At-Tahrim, ayat 6:

Tafsirnya: *"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan bakarnya ialah manusia (orang kafir) dan batu-batu berhala, penjaganya ialah malaikat-malaikat yang kasar lagi keras (layanannya), mereka tidak menderhaka kepada Allah terhadap aya jua yang diperintahkanNya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan apa yang diperintahkan."*

Islam amat menitikberatkan kepada kita pelaksanaan tanggungjawab dan amanah memimpin rumah tangga keluarga dan anak pinak menuju keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Pelaksanaan tanggungjawab dan amanah tersebut telah dijelaskan di dalam Al-Qur'an dan Al-Hadis. Semua pihak daripada kita - para ibu bapa, suami, isteri dan anak-anak mempunyai tanggungjawab dan peranan masing-masing dalam usaha membangun dan mempertingkatkan kesejahteraan keluarga menurut Islam.

Sebagaimana Hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu'anhuma, sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

Maksudnya: *"Ketahuilah! Masing-masing kamu adalah pemimpin, dan masing-masing kamu akan dimintai pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya. Seorang suami adalah pemimpin anggota keluarganya, dan ia akan dimintai pertanggungjawaban terhadap mereka. Seorang isteri juga pemimpin bagi rumah tangga serta anak suaminya dan ia akan dimintai pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya, seorang hamba juga pemimpin atas harta tuannya, dan ia akan dimintai pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpinnya. Ingatlah! Masing-masing kamu adalah pemimpin dan masing-masing kamu akan dimintai pertanggungjawaban atas apa yang dipimpinnya."* Hadis riwayat al-Bukhari.

Kita sedia maklum, keluarga merupakan kelompok yang paling kecil dalam masyarakat. Memperkatakan persoalan keluarga bererti memperkatakan persoalan masyarakat. Keluarga merupakan asas dan sendi kekuatan kepada sesebuah masyarakat berkecail dan hancur keluarga itu bererti berkecail dan hancurlah masyarakat, kukuh dan bahagia keluarga maka



**TIMBALAN** Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar semasa berucap pada Seminar Serantau Pendidikan Syariah Fiqh Al-Usrah Anjuran Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) Dengan Kerjasama Fakultas Syariah, Universitas Islam Negeri (UIN) Alauddin, Makassar, Indonesia, bertempat di Dewan Tarbiyyah, KUPU SB, Negara Brunei Darussalam pada hari Khamis, 4 Jamadilawal 1435 Hijriah bersamaan 6 Mac 2014 Masihi.

kukuh dan bahagialah masyarakat.

Tema utama Seminar Serantau Pendidikan Syariah Fiqh Al-Usrah kali ini iaitu: 'Pengukuhan Institusi Keluarga Islam Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah Berupaya Mengatasi Masalah Semasa', di samping beberapa sub-tema yang lain yang telah dipilih oleh pihak penganjur pada hemat peramba/saya adalah bertepatan untuk kita mendapatkan panduan Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperkukuh dan menguatkan lagi tali ikatan kekeluargaan. Kita sedia mengetahui bahawa institusi keluarga pada hari ini adalah terdedah dengan pelbagai ancaman, cabaran-cabaran dan masalah-masalah semasa.

Institusi keluarga di negara ini juga tidak terlepas dari menerima tempas ancaman, cabaran-cabaran dan masalah-masalah tersebut. Isu-isu seperti masalah-masalah tiada persepahaman di antara pasangan, keganasan rumah tangga, pengabaian tanggungjawab masalah nafkah dan penyalahgunaan dadah adalah di antara penyebab-penyebab masalah keruntuhan rumah tangga di negara ini. Di samping itu, fenomena yang sering kita lihat pada masa ini juga boleh mengundang kepada keruntuhan institusi keluarga iaitu kurangnya interaksi sesama keluarga di mana setiap ahli keluarga sibuk dengan hal masing-masing seperti dengan telefon bimbit dan tablet masing-masing walaupun dalam suasana berkumpul bersama keluarga akan tetapi masing-masing hanya sibuk melayan 'Whatsapp', 'Twitter', 'Facebook' dan melayari internet.

Kita baru sahaja menyambut Ulang Tahun Ke-30 Hari Kebangsaan pada tahun ini dengan

tema 'Generasi Berwawasan'. Dan kita berhasrat dan berazam untuk melahirkan generasi berwawasan pewaris bangsa yang mempunyai benteng yang kental dari segi rohani, fizikal, mental dan spiritual dalam menghadapi apa jua bentuk cabaran mendatang dan sentiasa memahirkan diri dalam semua bidang demi kemajuan bangsa, agama dan negara. Maka sudah setentunya semua ini bermula dengan institusi keluarga yang kukuh dan stabil. Generasi muda yang hidup dalam suasana keluarga yang harmoni dan damai akan dapat membentuk keperibadian yang baik yang dapat menyumbang kepada kemajuan bangsa, agama dan negara.

Oleh yang demikian, institusi keluarga kita perlu mempunyai sifat *resistance* yang tinggi bagi menghadapi dan menangkis pengaruh buruk yang tidak diingini ini.

Senario ini juga merupakan cabaran bagi institusi pendidikan khususnya pendidikan Islam untuk berusaha mencari jalan bagi meningkatkan kesedaran umat Islam tentang ancaman yang sedang dihadapi ini. Usaha KUPU SB dengan kerjasama UIN Alauddin, Makassar mengadakan seminar seperti ini merupakan satu langkah yang amat dialu-alukan bagi membincangkan isu-isu semasa khususnya yang berkaitan dengan isu-isu keluarga Islam dan bagi mendapatkan kaedah-kaedah baru dalam memperkukuh institusi keluarga kita pada era globalisasi ini.

Peramba/saya berharap seminar yang berlangsung selama dua hari ini dengan pembentangan tiga kertas perdana, empat kertas utama dan 11 kertas selari itu akan memberikan manfaat dan kesan positif khasnya kepada para peserta dan menjadikannya sebagai platform mewujudkan persepahaman dan menjana pemikiran di samping bertukar-tukar fikiran, pengalaman dan berjaya mencapai objektif Seminar seperti yang dihasratkan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada KUPU SB kerana berjaya menganjurkan Seminar Serantau Pendidikan Syariah Fiqh Al-Usrah dengan kerjasama UIN Alauddin, Makassar, Indonesia yang telah berlangsung selama dua hari ini. Semoga jalinan kerjasama di antara kedua institusi ini akan terus terjalin dalam sama-sama memperkembangkan dan memantapkan pembinaan masyarakat Islam dari sudut sahsiah, akhlak, intelek dan sebagainya.

Peramba/saya berharap agar resolusi seminar yang berjalan selama dua hari ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya dengan taufiq dan 'inayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya, dengan lafaz: Bismillahir Rahmannir Rahim Allahuma Salliala Sayyidina Muhammad Waala Ali Sayyidina Muhammad peramba/saya dengan sukacitanya merasmikan Penutupan Seminar Serantau Pendidikan Syariah Fiqh Al-Usrah anjuran bersama Fakulti Syariah, KUPU SB dengan Fakultas Syariah UIN Alauddin, Makassar, Indonesia.

Dari Sidang  
Pengarang.

15 MAC 2014 BERSAMAAN 1435 جمادى الأول 13

## SUBURKAN BUDAYA MEMBACA, HAYATI AL-QUR'AN

**A**LHAMDULILLAH, Majlis Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an 68 Kali Khatam Bagi Ahli-Ahli Majlis Perundangan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara diungkayahkan lagi pada tahun ini sepertimana tahun lalu sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun.

Majlis yang dilancarkan di keempat-empat daerah baru-baru ini adalah bagi memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, majlis tersebut adalah sebagai tanda kesyukuran rakyat dan penduduk di negara ini atas limpah rahmat, nikmat dan berkat Allah Subhanahu Wata'ala yang telah menjadikan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera serta rakyat dan penduduk di negara ini hidup bahagia, harmonis dan bersatu padu di bawah kepemimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan juga sifat baginda yang berjiwa rakyat.

Oleh yang demikian, kita sebagai umat Islam hendaklah menjadikan Al-Qur'an sebagai panduan hidup serta mengambil pedoman segala isi di dalamnya untuk dijadikan sebagai dasar dan asas panduan. Sebagaimana titah Kebawah DYMM sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1433 Hijriah / 2012 Masihi, tegas baginda, "Oleh itu tidak boleh tidak, adalah menjadi kewajiban umat Islam untuk kembali kepada petunjuk Al-Qur'an bagi meraih kegemilangan. Dalam makna lain, kita perlu bangun selaku generasi pembaca, di samping sekali gus menjadi pengamal ajaran Al-Qur'an itu."

Majlis Khatam Al-Qur'an berkenaan merupakan manifestasi penghayatan rakyat dan penduduk di negara ini terhadap konsep negara Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini ke arah perpaduan masyarakat yang kukuh serta kesejahteraan, keharmonian, keamanan dan ketenteraman bermasyarakat dan bernegara yang direcai Allah Subhanahu Wata'ala.

Para peserta yang menyertai Khatam Al-Qur'an ini terdiri daripada Ahli-ahli MPMK yang terdiri daripada lelaki dewasa dan wanita dewasa berumur 21 tahun ke atas, belia lelaki dan beliawanis berumur 13 tahun hingga 20 tahun serta kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan berumur 12 tahun ke bawah.

Pada bacaan Al-Qur'an sebanyak 68 kali khatam ini, para peserta yang terpilih akan membaca Al-Qur'an dari Juzuk Pertama hingga Juzuk 30, dengan pembacaan Al-Qur'an bermula pada 1 Mac 2014 dan setiap peserta akan Khatam 30 Juzuk Al-Qur'an pada 14 Julai 2014 nanti.

Dengan adanya majlis ini akan dapat menanamkan dan menyuburkan budaya membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai amalan hidup seharian serta menjunjung hasrat Kebawah DYMM untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dengan rakyatnya celik Al-Qur'an. Selain itu juga untuk menjadikan negara ini sebagai 'Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur' iaitu negara ini adalah negara yang baik dan Tuhan adalah Yang Maha Pengampun. - **Ketua Penyuntingan. (Rd)**

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentyt Haji Arifin

### Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Mohammad Rainie Haji Durani

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahanih Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Akim,  
Samle Haji Jait,  
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafar,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad bin Kahar,  
Wan Mohamad Sahrwan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

| Ramalan Cuaca Tiga Hari |       |       |
|-------------------------|-------|-------|
| SABTU                   | AHAD  | ISNIN |
| BANDAR SERI BEGAWAN     |       |       |
| 30 °C                   | 25 °C | 31 °C |
| MUARA                   |       |       |
| 30 °C                   | 25 °C | 31 °C |
| PEKAN BANGAR            |       |       |
| 30 °C                   | 24 °C | 30 °C |
| PEKAN TUTONG            |       |       |
| 30 °C                   | 25 °C | 31 °C |
| PEKAN SERIA             |       |       |
| 31 °C                   | 25 °C | 31 °C |
| KUALA BELAIT            |       |       |
| 31 °C                   | 25 °C | 31 °C |

Walaupun Bismillah  
Sumber : Perkhidmatan KajiCuaca Brunei Darussalam  
Jabatan Penerangan Awam  
Telefon : 2330142 sambungan 1988/1551 atau Talian Cuaca : 114

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
140

ELEKTRIK  
144

NDMC  
2380214

# Berangkat hadiri taklimat pelaburan Kuwait



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat ke Bilik Mesyuarat bagi mendengar sembah taklimat mengenai Pelaburan Pihak Berkuasa Umum (General Authority for Investment - GAI) di Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Pelaburan Kuwait (Kuwait Investment Authority - KIA).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Kewangan Kuwait yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah KIA, Tuan Yang Terutama Anas Al-Saleh.

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Masri Osman dari Bandaraya Kuwait

**BANDARAYA KUWAIT**, Khamis, 13 Mac. - Sebelum menamatkan keberangkatan rasmi lima hari ke Kuwait, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menghadiri taklimat mengenai Pelaburan Pihak Berkuasa Umum (General Authority for Investment) di Ibu Pejabat Pihak Berkuasa Pelaburan Kuwait (Kuwait Investment Authority - KIA), di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Ibu Pejabat KIA dijunjung oleh Menteri Kewangan Kuwait yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah KIA, Tuan Yang

Terutama Anas Al-Saleh dan Pengarah Urusan KIA, Bader M Al-Saad.

DYTM kemudian berkenan berangkat ke Bilik Mesyuarat bagi mendengar sembah taklimat daripada Pengarah Urusan KIA, Bader M Al-Saad mengenai peranan dan tugas-tugas yang dimainkan oleh KIA.

Kemudian diikuti dengan sembah taklimat daripada Kuwait Direct Investment Promotion Authority (IPA) yang disampaikan oleh Assistant Undersecretary di Kementerian Perdagangan dan Industri yang juga Pengerusi Foreign Capital Investment, Sheikh Mesheal Jaber Al-Ahmad Al-Sabah.

DYTM seterusnya menerima pesambah-pesambah yang disampaikan oleh Menteri Kewangan Kuwait;

Pengarah Urusan KIA dan Sheikh Mesheal Jaber Al-Ahmad Al-Sabah.

Selepas itu, DYTM berkenan menganugerahkan cenderahati-cenderahati kepada TYT Anas Khalid Al-Saleh, Bader M Al-Saad, dan Sheikh Mesheal Jaber Al-Ahmad Al-Sabah.

Selaku badan autonomi kerajaan, KIA bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran Dana Simpanan Am atau General Reserve Fund (GRF), dan aset-aset Dana Generasi Masa Depan atau Future Generations Fund (FGF) serta beberapa dana lain yang diamanahkan kepadanya.

Manakala peranan utama Kuwait Direct IPA ialah untuk menarik pelaburan asing di Kuwait sebagai *hab* pelaburan melalui usahasama selaras dengan matlamat pembangunan negara ini.

KIA melabur dalam Kerajaan Tempatan, Arab dan Pasaran Antarabangsa dengan pejabat utamanya terletak di Bandaraya Kuwait, Republik Rakyat China dan cawangan pejabatnya di London, United Kingdom.

Dalam bidang pelaburan, Negara Brunei Darussalam dan Kuwait telah memeterai beberapa perjanjian antaranya, pada 13 April 2009 penandatanganan Memorandum Persefahaman bagi pengelakan cukai berganda dan pencegahan cukai fiskal bagi pendapatan dan modal serta perjanjian mengenai promosi salingan dan perlindungan pelaburan.

Keberangkatan DYTM yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10 ke Ibu Pejabat KIA, setentunya memberikan inspirasi kepada DYTM dalam usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjana pertumbuhan ekonomi dari terus bergantung kepada minyak dan gas.

Selain meningkatkan kerjasama pelbagai bidang, keberangkatan ke negara yang mempunyai kadar pendapatan USD55.3 bilion per kapita ini juga memberi peluang kepada DYTM untuk meninjau secara dekat perkembangan pelaburan yang dicapai oleh Kuwait.

Mengiringi keberangkatan DYTM ialah Chief of the Mission of Honour, selaku Menteri Pengiring, Tuan Yang Terutama Counselor Nasser Abdullah Mishari Al-Rawdhwan; Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Duta Besar Istimewa dan



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima pesambah.



DYTM ketika berkenan menerima taklimat yang disampaikan.



DYTM ketika berkenan berangkat ke Bilik Mesyuarat bagi mendengar sembah taklimat.

Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapha bin Pengiran Haji Aliuddin.



SEMASA taklimat mengenai GAI di Ibu Pejabat KIA yang diadakan di Bilik Mesyuarat.

# Bidang Keusahawanan wujudkan peluang pekerjaan

Laporan : Haji Ahmad Haji Salim



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini, yang masuk hari kelima membuka tirainya dengan beberapa soalan yang telah diberi notis.

Antaranya yang disentuh ialah mengenai program lanjutan untuk membimbing pekerja tempatan dalam bidang keusahawanan yang disuarakan



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.** - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

oleh Orang-Orang Yang Telah Mencapai Kecemerlangan, Yang Berhormat Awang Haji Ahmad Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman pada sidang kelmarin.

Menteri Pendidikan, Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong ketika menjawab soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ahmad Morshidi, menjelaskan kerjasama antara Kementerian Pendidikan, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan syarikat-syarikat dalam industri minyak dan gas telah menampakkan kejayaan yang mampu menambah bilangan program latihan yang relevan dengan keperluan industri.

Kementerian Pendidikan, menurut Yang Berhormat, akan berusaha melartatkan modal kerjasama tersebut pada sektor kemahiran utama yang lain termasuk keusahawanan.

Yang Berhormat berkata, suatu bidang yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan ekonomi dalam mewujudkan bidang pekerja ialah bidang keusahawanan atau entrepreneurship, kerana itu Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam telah merancang satu Agenda Keusahawanan Kebangsaan atau National Entrepreneurship Agenda (NEA) yang diharapkan akan memberikan impak kepada para pelajar dan masyarakat dengan cara memupuk minda dan sikap berdikari dan juga boleh menolong pengurangan pengangguran serta menyumbangkan



**YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim semasa di dewan persidangan.** - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

ke arah pelbagaian ekonomi negara.

NEA ini, terang Yang Berhormat, menggunakan pendekatan yang holistik dan menyeluruh di mana bagi mencapai impak yang besar kepada masyarakat, inisiatif ini akan merangkum pendidikan dari tahap tadika hingga tahun ke-12, vokasional, teknikal, tahap pengajian tinggi dan cabang untuk meliputi masyarakat usahawanan-usahawanan yang sedia ada dan yang akan datang.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan lagi, sebahagian daripada inisiatif yang dilaksanakan yang terkandung dalam pelan induk NEA ini adalah penubuhan pusat-pusat *incubation* dan *membership* yang akan menggunakan rangka kerja yang disebutkan tadi. Insya-Allah, Allah sekiranya pekerja-pekerja ini berminat untuk bergiat dalam keusahawanan laluan untuk memperkembangkan potensi mereka telah disediakan dalam program NEA ini.

## PERINTAH SEWA BELI 2006 AMBD lindungi kepentingan awam

Laporan : Mohammad Husaif Ramle



**MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.** - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Bagi mengelakkan kerugian yang berpunca daripada kemerosotan nilai kereta yang berterusan maka penyewa kereta dinasihatkan supaya mengambil langkah segera untuk memastikan bahawa dalam tempoh dua minggu dari tarikh penarikan kereta tersebut atau lebih awal lagi mencari pembeli yang bersedia untuk terus membayar jumlah yang tertunggak.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Timbalan Pengerusi Autoriti Monitori Brunei Darussalam (AMBD) menjelaskan perkara itu semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penghulu Mukim Gadong 'A', Daerah Brunei dan Muara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai beberapa peruntukan di dalam Perintah Sewabeli 2006 bertujuan untuk melindungi

penyewa sekiranya keretanya ditarik balik.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit juga melahirkan kekhuatirannya apabila kenderaan yang ditarik balik dan dijual oleh pihak syarikat kewangan kenderaan tersebut sering kali dijual dengan harga yang lebih murah dan ada kalanya separuh daripada harga jualan yang ditetapkan oleh syarikat kewangan berkenaan.

Menurut Menteri Pembangunan, keadaan pasaran semasa bagi kereta terpakai memerlukan penjualan segera kereta tersebut bagi mengelakkan kemerosotan nilai disebabkan penurunan harga pasaran ataupun kerosakan dan risiko-risiko yang lain.

"Maka mengambil kira risiko tersebut kereta terpakai itu pada lazimnya terpaksa dijual pada harga yang rendah yang dikira boleh menarik pembeli. Ini boleh menjejaskan kepentingan penyewa seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut," ujarnya.

Sehubungan itu, jelas Menteri Pembangunan, pihak berkuasa pernah mengeluarkan arahan kepada semua syarikat kewangan mengenakan bayaran pendahuluan tunai sebanyak 12.5 peratus daripada harga kenderaan

yang diluluskan.

"Arahan ini masih berjalan dan bertujuan untuk memastikan mereka yang membeli kereta benar-benar berkemampuan. Oleh yang demikian, pihak AMBD ingin mengingatkan dan menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berbelanja secara berhemah berdasarkan kemampuan dan tidak membebaskan diri dan keluarga," sarannya.

Walau bagaimanapun, mengambil kira keprihatinan Penghulu Mukim Gadong 'A', terhadap orang ramai mengenai isu-isu sewa beli kereta terpakai ini, ujar Menteri Pembangunan, pihak AMBD akan meneliti apa langkah-langkah yang bersesuaian untuk memastikan kepentingan orang awam akan sentiasa diambil kira di dalam polisi ataupun undang-undang dan peraturan-peraturan yang berjalan sekarang.

Bab 17 (1) (A) (1 kecil) antara lain memberikan penyewa peluang untuk mendapatkan kembali kereta yang ditarik balik dalam tempoh masa dua minggu penarikan tersebut dengan meneruskan ataupun melunaskan pembayaran ansuran yang tertunggak.

Manakala bab 17 (1) (A) (2 kecil) juga memberikan penyewa peluang untuk mengarahkan syarikat kewangan untuk menjual kereta tersebut kepada orang yang diperkenalkan olehnya yang bersedia untuk terus membayar jumlah yang tertunggak.



**TIMBALAN Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Setiausaha-Setiausaha Tetap JPM hadir pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN.** - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

## Bincang keselamatan penduduk Sukang dan Melilas

Laporan : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman



**MENTERI Tenaga di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar.** - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Beberapa inisiatif telah pun diambil ketika ini bagi meningkatkan tahap keberadaan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) di Sukang dan Melilas seperti melaksanakan fasiliti bagi penempatan anggota-anggota keselamatan di kawasan-kawasan yang berdekatan.

Pada masa yang sama keberadaan atau penampilan anggota-anggota keselamatan di kawasan-kawasan berkenaan juga akan dipertingkatkan melalui rondaan-rondaan oleh Pasukan Polis Hutan bersama dengan agensi-agensi keselamatan yang lain, khususnya di dalam menjaga keselamatan penduduk setempat.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar ketika mengulas saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin

Ahmad mengenai keberadaan Pos Polis Sukang dan Pos Polis Melilas pada hari kelima Permesyuaratan Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

"Saya telah dimaklumkan bahawa kedua-dua tempat iaitu Sukang dan Melilas mempunyai bilangan penduduk yang kecil iaitu menurut banci penduduk 2011, Sukang mempunyai penduduk seramai 125 orang dan Melilas pula hanya 15 orang sahaja. Selain dari itu, kedua-dua tempat ini juga mempunyai kadar kejadian jenayah yang sangat rendah," ujar Yang Berhormat Menteri Tenaga di JPM.

Dari aspek geografi, jelasnya, jarak di antara Sukang dan Melilas, walaupun ianya dapat dihubungi dengan kenderaan darat, akan memerlukan perjalanan kereta sekurang-kurangnya 45 minit.

Sementara itu, tambah Yang Berhormat, balai polis yang paling dekat bagi memperoleh perkhidmatan kepolisan asas ialah Labi iaitu kira-kira 1 jam 45 minit perjalanan kereta dari kedua-dua tempat berkenaan.

"Jadinya, keresahan para penduduk kampung di Melilas dan Sukang adalah difahami," ujar Yang Berhormat.

Dalam hal ini terang Yang Berhormat, sama ada sesuatu kawasan itu mempunyai bilangan penduduk yang ramai ataupun sebaliknya, penduduknya mempunyai keperluan yang sama, iaitu dapat menjalani kehidupan seharian dengan tenang dan terasa dilindungi oleh pihak-pihak keselamatan terutamanya Pasukan Polis Diraja Brunei.

# Sumber tenaga manusia dirancang mengikut keperluan

## Peruntukan KHELNP, Kem. Kewangan diluluskan

Dari muka 1

Juga antara keutamaan aktiviti yang ditumpukan oleh Kementerian berkenaan ialah Mengambil langkah-langkah dalam meningkatkan tahap produktiviti dan kecekapan perkhidmatan kepada orang ramai.

"Antaranya dengan: Memperkembangkan keupayaan TAFIS di bawah Jabatan Perbendaharaan bagi meningkatkan lagi sistem kawalan dan kecekapan proses-proses; Meluaskan penggunaan e-Payment Gateway kepada lebih banyak agensi-agensi kerajaan yang membuat kutipan hasil. Ini adalah bagi meningkatkan kemudahan kepada orang ramai untuk membuat pembayaran bil kepada agensi-agensi berkenaan; Menaik taraf dan meningkatkan keupayaan sistem eCustom dan Brunei Darussalam National Single Window bagi memudah cara perdagangan dan proses pelepasan kastam; Meningkatkan tahap keselamatan di pos-pos kawalan kastam di seluruh negara termasuk prasarana dan penggunaan teknologi terkini bagi membendung kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam serta yang boleh menjelaskan keselamatan negara; dan Meningkatkan sumber tenaga di Bahagian Hasil bagi mengukuhkan keupayaan pengurusan kutipan hasil cukai pendapatan dan Pendaftaran Syarikat-Syarikat," jelas Yang Berhormat.

Manakala tumpuan seterusnya iaitu Mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan jaminan keselamatan bekalan makanan asasi (food security), seperti dengan mempelbagaikan sumber import makanan asasi; menaik taraf dan membina gudang-gudang baru yang moden dan efisien; dan Meneruskan usaha meningkatkan keupayaan warga di Kementerian Kewangan melalui program-program pembangunan diri untuk meningkatkan motivasi dan produktiviti setiap individu.

Selain itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM juga menjelaskan secara ringkas peruntukan yang disediakan iaitu Gaji Kakitangan secara keseluruhannya disokong sebanyak BND57,648,480.

Bagi kategori perbelanjaan ini katanya, terdapat pengurangan bersih dua jawatan.

Itu jelas Yang Berhormat, disebabkan oleh peniadaan 27 jawatan kosong di Jabatan Kementerian Kewangan serta penambahan 23 jawatan di Bahagian Hasil.

Langkah tersebut jelasnya, bertujuan bagi memperkukuhkan lagi pentadbiran pengutipan cukai kerajaan.

Selain itu, Yang Berhormat juga menjelaskan mengenai Perbelanjaan Berulang-Ulang disokong sebanyak BND580,610,260.

Yang Berhormat menjelaskan, antara perbelanjaan bagi kategori ini termasuklah Peruntukan Peningkatan Kemahiran dan Kapasiti; Pemeliharaan Aset; dan Penyediaan peruntukan Elaun GO dan FR untuk keseluruhan pegawai-pegawai kerajaan yang



**MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Azmah Haji Ahad.**

layak sejumlah BND12.3 juta di bawah Perkhidmatan Rampaian; Elaun Pelajaran peringkat 'Tertiary' bagi ahli-ahli TAP yang berkhidmat di sektor swasta sejumlah BND10 juta; dan sejumlah BND10 juta lagi bagi pembiayaan subsidi bantuan Skim Tabung Perumahan TAP.

Menyentuh mengenai Perbelanjaan Khas pula, Yang Berhormat seterusnya menyatakan bahawa sebanyak BND529,568,000 telah disediakan bagi melaksanakan tujuh projek / pembelian baru berjumlah BND16.4 juta, termasuk dua projek dengan Harga Rancangan sebanyak BND25.5 juta; 42 projek pengambilan semula berjumlah BND513.1 juta, termasuk 14 projek dengan Harga Rancangan sebanyak BND80.8 juta; dan Peruntukan sejumlah BND400 juta disediakan bagi membiayai pelaksanaan Projek Pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Temburong dengan Daerah Brunei / Muara.

Di samping itu, Yang Berhormat turut mengongsikan beberapa perkara antaranya ialah Perkhidmatan Rampaian sebanyak BND430,813,940 adalah bagi guna sama semua kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

"Contohnya, peruntukan Perbelanjaan Elaun Cuti Tambang; Lawatan Pakar dan Penasihat; dan Elaun Pelajaran; Akaun Fokus Perbelanjaan, disediakan sebanyak BND16 juta, khusus bagi membiayai perbelanjaan yang menjurus kepada keutamaan belanjawan. Di bawah peruntukan ini juga disediakan sejumlah BND2 juta bagi membiayai keperluan latihan, kursus serta membarigakan pelaksanaan Undang-Undang Syaria'ah; dan BND1.5 juta disediakan bagi keperluan latihan tenaga-tenaga pengajar sekolah-sekolah teknikal dan vokasional; dan Akaun Projek Rampaian, disediakan sebanyak BND12.5 juta, khusus bagi menampung pembelian atau kos pelaksanaan projek-projek yang tidak dijangkakan," terang Yang Berhormat.

Laporan : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Perancangan sumber tenaga manusia adalah salah satu komponen yang penting bagi memastikan keperluan sumber tenaga manusia dapat dibekalkan secara berterusan untuk memenuhi pasaran kerja.

Untuk itu, agensi-agensi kerajaan menyediakan perancangan mengikut keperluan dari segi disiplin atau bidang yang dikehendaki.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab isu yang ditimbulkan oleh



**YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.**

Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin yang juga selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', Daerah Brunei dan Muara berkenaan dengan Ketidakepercayaan Kerja (Job Mismatch) pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN, di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, pada biasanya pasaran pekerjaan menentukan permintaan terhadap kelayakan-kelayakan untuk jawatan-jawatan yang terdapat di dalam pasaran.

Tambahnya, jawatan-jawatan yang memerlukan pengkhususan bidang seperti doktor, jurutera, ahli ekonomi, pegawai undang-undang dan seumpamanya, jelas memerlukan masing-masing dalam kelulusan-kelulusan di dalam bidang-bidang yang khusus ini.

Walaupun bagaimanapun, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi jawatan-jawatan yang bersifat am boleh diisi oleh pemegang-pemegang kelulusan di dalam pelbagai bidang termasuk bidang-bidang profesional yang khusus.

Dalam situasi ini ujar Yang Berhormat, pada asasnya apa yang diperlukan oleh jawatan-jawatan itu ialah minda yang terlatih berikutan dari latihan pengajian tinggi, potensi kebolehan dan keupayaan untuk menjalani adaptasi termasuk di dalam pekerjaan yang tidak secara langsung berkaitan dengan kelayakan utamanya.

## Aliran kerja Skim Perkhidmatan dipastikan lebih rapi

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani



**YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad. - Foto : Azmah Haji Ahad.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, dalam rangka menyediakan Skim-Skim Perkhidmatan, Jawatankuasa Tangga Gaji (JTG) memastikan Skim Perkhidmatan mempunyai aliran kerja yang lebih rapi, bukan saja dari segi perubahan-perubahan tangga gaji,

malahan dari segi kelayakan, latihan-latihan (KPI) ataupun prestasi petunjuk utama serta tugas dan tanggungjawab untuk dapat memenuhi kepentingan kerjaya dan meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan.

Untuk kepentingan semua ini jelas Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM, JTG memerlukan maklumat-maklumat yang menyeluruh dan komprehensif dan lengkap mengenai keperluan satu-satu bidang itu, apatah lagi bagi bidang yang mempunyai cabangan disiplin yang banyak untuk memastikan mana-mana Skim Perkhidmatan diluluskan dapat memenuhi keperluan-keperluan disiplin berkenaan.

Yang Berhormat menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad mengenai Skim Perkhidmatan yang diterima untuk diproses oleh Jawatankuasa Skim Perkhidmatan dan Tangga Gaji dan sebagainya.

"Selain meneliti maklumat-maklumat yang terdapat dalam cadangan, JTG perlu mendapatkan maklumat-maklumat selanjutnya secara *independence* (bebas), membuat perbandingan dan amalan-amalan terbaik atau *best practices* serta membuat *bench mark* agar skim-skim tersebut adalah mengikut piawaian ataupun standard yang setanding dengan peringkat



Yang Berhormat menambah dalam keadaan ini, ia juga tertakluk kepada minat dan keinginan individu untuk memilih kerjaya yang tidak semestinya berkaitan secara langsung dengan kelulusan.

Kedudukan itu katanya, adalah biasa yang mana peluang individu untuk mendapatkan pekerjaan adalah tertakluk bukan semata-mata kepada bidang kelulusannya malahan aspek-aspek potensi, sikap, kemahuan dan seumpamanya.

Menurut Yang Berhormat lagi, sebab itu menjadi kebiasaan di dalam memilih individu untuk dilantik secara kompetitif, bermacam-macam kaedah ujian seperti psikometrik diguna pakai.

Yang Berhormat menambah, sebagai kesimpulan, keperluan individu apabila mendapat pekerjaan untuk diberikan latihan-latihan yang tidak berkaitan dengan kelulusan asasnya adalah perkara biasa dan ianya kurang bertepatan dilihat sebagai ketidaksepadanan dan bebanan.

serantau dan antarabangsa, dan seterusnya memerlukan perjumpaan-perjumpaan dengan pihak yang menghadapi cadangan semata-mata untuk proses mempayukan cadangan dalam mana proses ini adalah memerlukan masa," menurut Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, JTG bukan saja melihat Skim-Skim Perkhidmatan malah ianya juga melihat kepada perkara-perkara berkaitan dengan Syarat-Syarat Perkhidmatan dan penstrukturan organisasi.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, sejak tahun 1985 hingga 2014, sebanyak 942 jawatan dalam Bahagian I hingga V telah dikemaskinikan Skim Perkhidmatan, yang antaranya ialah Skim Perkhidmatan Kedokteran, Skim Perkhidmatan Perguruan, Skim Perkhidmatan Kejururawatan, Skim Perkhidmatan Pegawai Tugas-Tugas Khas, Skim Perkhidmatan Perhubungan Awam, Skim Perkhidmatan Perancang Bandar dan Desa, Skim Perkhidmatan Jurukira dan Skim Perkhidmatan Juruaudit.

Pada masa ini tambah Yang Berhormat lagi, JTG dan Syarat-Syarat Perkhidmatan masih meneliti sebanyak 42 cadangan Skim Perkhidmatan yang antara lainnya termasuklah Skim Perkhidmatan Pegawai Perundangan Sivill dan Syariah, Skim Perkhidmatan Pegawai Bidang Profesional Teknikal, Skim Perkhidmatan a allied health, Skim Perkhidmatan Perguruan Agama, Skim Perkhidmatan Pakar Kementerian Perindustrian Sumber-Sumber Utama.

# TPP tingkatan perdagangan selaras matlamat negara



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 Mac. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng mengatakan setakat ini negara telah memiliki 14 buah bangunan pejabat perwakilan dan 30 buah rumah kediaman rasmi bagi ketua-ketua perwakilan dan pegawai-pegawai.



**YANG Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar** - Foto : Azmah Haji Ahad.

Laporan : Abdullah Asgar

Bangunan berkenaan termasuk enam buah daripadanya telah dibina sendiri oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, perbelanjaan untuk pembelian dan pembinaan bangunan-bangunan ini berjumlah lebih kurang BND270 juta, pada masa ini juga, kementerian sedang mengendalikan tujuh projek pembinaan bangunan pejabat dan rumah kediaman rasmi iaitu di Berlin, Canberra, Jakarta, Kuala Lumpur, Oman, Riyadh dan Vientiane.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara di Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, di sini.

Selain itu, Yang Berhormat menambah, pembelian tapak tanah dan bangunan dibuat berdasarkan kepada penilaian dari segi keselamatan kos pembelian dan pembinaan kemudahan perhubungan, kesesuaian tempat dan sebagainya.

Menjawab soalan mengenai prospek Block CA2, Yang Berhormat menjawab hal ini merupakan kempen penggerudian dan menunjukkan tanda-tanda yang baik.

Yang Berhormat menjelaskan, Petroleum Brunei iaitu National Company Brunei dan Petronas juga bekerjasama dalam aktiviti-aktiviti dengan Negara Brunei Darussalam seperti di dalam Blok N dan Q dan juga di luar negara.

Petroleum Brunei berusaha untuk meningkatkan peranan sebagai pelabur dalam projek-projek seperti SK 318 di Sarawak, Myanmar dan Kanada.

Menyentuh pelaburan-pelaburan di luar negeri, Yang Berhormat menjelaskan, ia merupakan usaha-usaha Petroleum Brunei untuk

meningkatkan *reserve* Minyak dan Gas Negara Brunei Darussalam seperti mana yang lazimnya dibuat oleh syarikat-syarikat petroleum negara lain.

Yang Berhormat juga menjelaskan, 'Trans Pacific Strategic Economic Partnership' (TPP) yang ditubuhkan pada tahun 2003 telah dinamakan P4 dan ia bermula apabila Chile, Singapura dan New Zealand, mempelawa Brunei Darussalam masuk sebagai *four original member*.

Pada tahun 2008, Amerika Syarikat menyatakan hasratnya untuk ikut serta perjanjian P4 dan setelah mengadakan perbincangan, lebih banyak negara telah berminat untuk menyertai P4.

Setakat ini jumlah ahli meningkat kepada 12 iaitu Australia, Brunei, Canada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Vietnam dan Amerika Syarikat.

Perjanjian TPP mempunyai ciri-ciri perjanjian yang meliputi pelbagai aspek yang bertujuan untuk meningkatkan perdagangan selaras dengan matlamat Negara.

"Kepentingan negara adalah tonggak utama yang kita jaga. Kementerian ini bersama dengan kementerian-kementerian lain dan jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, banyakkah agensi-agensi yang terlibat dalam perundingan ini.

Jadi, yang mustahak sekali kita memastikan isu-isu dalam TPP ini tidak bercanggah dengan perlembagaan kitani dan mana-mana jua undang-undang di Brunei Darussalam. Perundingannya bukan saja satu hala, kerana perundingan-perundingan kitani tidak pernah membiarkan negara ahli TPP lain

memaksa kita menerima komitmen yang bercanggah dengan kepentingan kitani. Kepentingan pengusaha-pengusaha kitani yang kecil dan sederhana juga dipelihara, contohnya bab SME dalam perjanjian TPP ini menjana perkembangan dengan membukakan peluang pengusaha-pengusaha kitani bekerja rapat dan berkongsi bersama pengusaha-pengusaha ahli TPP yang lain dalam bidang yang ada kepentingan bersama," jelas Yang Berhormat ketika menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Datin Paduka Dadyang Hajah Salbiah binti Haji Sulaiman.

Yang Berhormat menambah, laluan pasaran bagi sektor-sektor kecil adalah tidak dibukakan kepada orang luar kerana sektor ini dikhaskan untuk pengusaha kita sahaja dan rundingan TPP membukakan lagi pasaran yang besar.

Yang Berhormat menjelaskan, perjanjian TPP menyediakan banyak jenis peluang pertumbuhan ekonomi melalui peningkatan perdagangan.

Peluang eksport keluaran Negara Brunei Darussalam dari negara-negara ahli TPP adalah bebas daripada cukai dan jika perdagangan meningkat setentunya peluang pekerjaan turut bertambah.

"Peluang perkongsian antara pengusaha kecil dan sederhana dan menjana inovasi antara orang-orang kitani kerana perjanjian ini menjaga hak cipta mereka bukan sahaja di negara ini tetapi juga di semua negara Ahli TPP," ujar Yang Berhormat.

Menurutnya, peluang untuk menarik pelaburan asing kerana adanya predictability, kesahihan perundangan yang menjaga pelabur asing dan pelaburan asing tidak menjejaskan alam sekitar negara.

"Memang tidak dapat disangkal, persaingan akan meningkat tetapi persaingan berguna kerana mutu perkhidmatan akan meningkat, harga barang akan jadi lebih berpatutan dan pengusaha-pengusaha dan syarikat



**MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng** - Foto : Azmah Haji Ahad.

Brunei berpeluang belajar dan bersaing bersama syarikat antarabangsa. Kita harapkan akan membuat mereka lebih kukuh dan bukan sahaja berdaya saing tetapi juga berdaya tahan," jelas Yang Berhormat.

Menyentuh soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim mengenai dengan BIMP-EAGA, Yang Berhormat menerangkan BIMP-EAGA merupakan *sub-regional group* kerana ASEAN meliputi 10 buah negara.

Yang Berhormat menambah untuk mempercepatkan kerjasama ekonomi untuk 10 buah ASEAN Economic Community, satu jalan mempercepatkan kerjasama adalah di peringkat empat buah negara iaitu Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Filipina akan tetapi memang ada masalah yang berkenaan dengan pass, hal ini berkenaan dengan *connectivity* untuk memajukan jalinan perdagangan adalah mustahak dalam pengurusan pas pengangkutan.

## Cemuh/sebarkan fahaman salah tentang Kanun Jenayah Syar'iah ditangani secara berasingan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN telah membangkitkan isu berhubung tindakan pihak yang berkenaan terhadap individu / kumpulan yang mencemuh / menakut-nakutkan orang ramai tentang penguatkuasaan



**YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad** - Foto : Azmah Haji Ahad.

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 sama ada melalui media elektronik mahupun surat-surat khabar di luar dan dalam negara.

Menjawab isu tersebut Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menjelaskan, perbuatan *mencemuh* Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013 dan perbuatan *menakut-nakutkan* orang ramai daripada memberikan sokongan terhadap Perintah Kanun berkenaan boleh dilihat sebagai dua perbuatan yang berbeza.

Perkara tersebut, jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama boleh ditangani secara berasingan melalui peruntukan undang-undang sedia ada oleh agensi-agensi yang berkenaan seperti Penguatkuasa Agama, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), Keselamatan Dalam Negeri (KDN), Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan sebagainya.

Dari perspektif Perintah Kanun, sebagaimana yang telah dibarigakan secara meluas di negara ini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan bahawa Perintah Kanun akan dikuatkuasakan dalam tiga fasa

dan insya-Allah dalam fasa pertama akan menangani perbuatan mencemuh yang sedang dibahaskan / dibincangkan melalui peruntukan yang dikhususkan mengenainya.

"Masa ini kita masih dalam tempoh pabarigaan, malah pabarigaan ini mungkin saja berlanjutan jika ianya diperlukan, kerana tujuan kita adalah untuk mendidik dan memberi kefahaman kepada orang ramai sebaik-baiknya," ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Menyentuh mengenai siri perbuatan seperti melalui media sosial Facebook, Twitter, Blog, pesanan ringkas SMS, aplikasi Whatsapp atau melalui media massa surat khabar, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, perbuatan-perbuatan tersebut boleh menghasilkan beberapa kesalahan yang berbeza di bawah undang-undang yang berbeza.

Yang Berhormat menjelaskan perbuatan *mencemuh* Perintah Kanun atau perbuatan *menakut-nakutkan* orang ramai daripada memberikan sokongan terhadap Perintah Kanun boleh memberikan bidang kuasa kepada pihak-pihak seperti Penguatkuasa Agama, PDB, KDN, AITI dan sebagainya untuk menjalankan siasatan di bawah mandat atau portfolio masing-masing.



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman** - Foto : Azmah Haji Ahad.

"Begitu juga halnya perbuatan *mencemuh* Perintah Kanun boleh menyebabkan imej negara terjejas dan boleh mempengaruhi dan mengelirukan orang ramai dan lebih jauh lagi akibat perbuatan ini boleh menggugat keselamatan dan kestabilan negara maka tindakan terhadap si pelaku boleh diambil di bawah Akta KDN," jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal

Ugama.

Adapun perbuatan *menakut-nakutkan* itu jelas Yang Berhormat, kerjasama PDB bagi menyiasat perbuatan tersebut amat dihargai.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa usaha memberikan kefahaman melalui rancangan pabarigaan sebagai contoh kepada masyarakat seberapa luas yang boleh, telah pun berjalan dengan baik serta cuba mendekati hati dan pemikiran masyarakat dengan cara ber hikmah.

Namun ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi, didapati terdapat segelintir individu yang tidak bertanggungjawab telah menyebarkan fahaman-fahaman salah kepada masyarakat umum, dan dalam hal sedemikian tindakan bersepadu dan kerjasama erat agensi-agensi yang berkaitan adalah amat dialu-alukan dalam sama-sama berdiri teguh dan berganding bahu dalam mendukung penguatkuasaan Perintah Kanun.

Menyentuh mengenai kesalahan yang dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat menjelaskan bahawa, pesalah terbabit juga boleh didakwa di dalam negara namun memerlukan kerjasama agensi yang berkenaan di negara terbabit untuk menyerahkan tertuduh untuk didakwa menurut undang-undang negara ini.

# Kemudahan cuti menunaikan haji turut dibincang

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Kadar cuti tahunan bagi pegawai kerajaan negara ini dengan kadar maksimum 50 hari dan minimum 22 hari setahun adalah dikira tinggi dibandingkan dengan negara-negara luar.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, kemudahan cuti menunaikan Fardu Haji adalah merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Setiausaha Tetap Kerajaan Bilangan 29/1975 di mana pegawai yang dikurniakan tambang tersebut boleh memulakan cuti dua hari sebelum bertolak ke Arab Saudi dan dua hari sesudah sampai ke negara ini.

Demikian dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM ketika menjawab persoalan Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad yang mencadangkan bagi Cuti Khas menunaikan Fardu Haji dengan memanjangkan tempoh cuti lebih dua hari sesudah menunaikan fardu haji.

Yang Berhormat menambah, ini termasuklah sepanjang tempoh semasa mereka mengerjakan fardu haji dan cuti khas ini tidak menjejaskan kelayakan cuti tahunan mereka.

Jika pegawai berkenaan berhasrat untuk menambah bilangan hari cuti

berkenaan, jelas Yang Berhormat, sama ada sebelum ataupun selepas menunaikan fardu haji, pegawai berkenaan bolehlah memohon menggunakan cuti tahunan.

“Peruntukan cuti tahunan diberikan kepada semua pegawai kerajaan dalam Perkhidmatan awam yang berjawatan tetap, sebulan ke sebulan dan *open vote* dengan kadar-kadar tertentu mengikut bahagian dan umur bagi setiap 12 bulan kalendar perkhidmatan. Sebagai contoh, bagi pegawai berumur di bawah 40 tahun dalam Bahagian I dan II, kadar cuti bagi setiap 12 bulan adalah berjumlah 42 hari, manakala bagi pegawai yang berumur 40 tahun ke atas dalam Bahagian I dan II, kadar cuti ditambah kepada 50 hari,” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, bagi pegawai dalam Bahagian III, IV dan V yang berumur 40 tahun ke bawah, kadar cuti masing-masing adalah sebanyak 26 hari, 24 hari dan 22 hari, manakala bagi pegawai dalam Bahagian III, IV dan V yang berumur 40 tahun ke atas, adalah masing-masing 34, 30 dan 27 hari.

Oleh itu, pegawai dan kakitangan yang ingin menunaikan fardu haji, tegas Yang Berhormat, perlulah merancang cuti dengan lebih awal untuk digunakan semasa musim haji.



**YANG Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Ahad.** - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Dewan Majlis, MMN, di sini.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, penggunaan logo Halal MUIB adalah berdasarkan permohonan daripada pemilik syarikat, yang mana pada masa ini sejumlah 927 produk tempatan dan 211 produk dari syarikat luar negara telah menggunakan logo Halal MUIB, yang mana proses permohonan produk sama ada produk luar atau tempatan adalah sama.

Setakat ini ujar Yang Berhormat, permohonan yang diterima

hanya daripada pengusaha-pengusaha produk makanan dan sebuah syarikat pengeluar produk makanan tambahan kesihatan daripada Kanada telah membina kilangnya di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan pihak berkenaan telah membuat rundingan dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) untuk menggunakan logo Halal MUIB bagi produk-produk keluaran syarikat mereka.

Yang Berhormat seterusnya berkata, sebuah lagi syarikat kosmetik daripada



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.** - Foto : Azmah Haji Ahad.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Penggunaan logo Halal Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB) adalah diguna pakai bagi produk yang dipasarkan di negara ini, sama ada produk tempatan ataupun produk luar negara.

Demikian jelas Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika menjawab isu berhubung penggunaan logo Halal MUIB yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kespuluh MMN yang berlangsung di Bangunan



**PENUNTUT-PENUNTUT** sekolah antara yang hadir semasa persidangan. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

# LKEB bantu belia mulakan perniagaan mikro

Laporan : Noraisah Muhammed



**MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.** - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Pembinaan Pusat Keusahawanan Belia di Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB), bertujuan untuk membantu para belia tempatan di seluruh negara yang berminat memulakan sebarang perniagaan mikro bukan hanya disediakan kepada para belia di sekitar kawasan tersebut tetapi juga untuk mereka yang memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti yang tidak mempunyai pekerjaan dan berhasrat untuk berkecimpung dalam keusahawanan dan perniagaan.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang

Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain berhubung dengan pembinaan Pusat Keusahawanan Belia di Kampung Jaya Setia, Mukim Berakas semasa Majlis Mesyuarat Pertama Musim Permesyuaratan Kespuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Yang Berhormat menjelaskan, dalam memastikan pusat ini akan digunakan secara efektif, pihak LKEB mengambil kira keperluan-keperluan penyediaan infrastruktur yang bersesuaian dan akan memberikan khidmat bantuan dan bimbingan serta *mentorship* kepada para usahawan belia yang akan bertapak di sana.

Korea juga berminat untuk membina kilangnya di negara ini dan menggunakan logo Halal MUIB, dan produk-produk berkenaan dihasratkan untuk dipasarkan di dalam dan luar negara.

“Pendeknya logo Brunei Halal MUIB, pada masa ini Alhamdulillah merupakan satu logo yang berwibawa,

dihargai, kerana itu banyak orang luar berminat dan yakin kepadanya. Oleh itu kaedah ‘auditing’ dan pemeriksaan kita yang jitu itu tidaklah boleh dikurangkan tapi boleh dikemaskinikan kerana di situlah terletak kepercayaan masyarakat, dan kualiti kehalalan kita,” jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Seterusnya Yang Berhormat berkata, negara bersyukur kepada Allah kerana kesedaran kepada perkara-perkara yang halal sekarang semakin tinggi baik di dalam mahupun di luar negara.

“Bagi negara kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri sangat mengambil berat dan sering menekankan tentang soal kehalalan permakanan bagi rakyat baginda yang beragama Islam itu dijaga dan dipelihara, tiada tolak ansur dalam perkara ini, maka itu kerjanya tidak dapat disembanakan, perlu kepada kesungguhan dan perlu kepada masa,” ujar Yang Berhormat.

Apa yang perlu diusahakan lagi jelas Yang Berhormat seterusnya ialah sumber tenaga manusia yang berkuantiti dan berkualiti, beriman, berpengetahuan agama dan berteknologi.

# Usaha perancangan kewangan dipertingkatkan

Laporan : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



**MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Azmah Haji Ahad.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan dalam meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai program-program perancangan

kewangan termasuk dalam mengadakan seminar di sekolah-sekolah, sebenarnya sudah dianjurkan dari semasa ke semasa oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan beberapa agensi yang berkenaan.

Perkara itu dijelaskan oleh Yang Berhormat pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN), di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini ketika menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin yang juga selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', Daerah Brunei dan Muara mengenai usaha-usaha berkenaan.

“Program ini dilaksanakan secara berterusan pada mendukung usaha Kementerian Kewangan untuk meningkatkan tahap *celik kewangan* atau *financial literacy* dalam kalangan rakyat dan penduduk negara ini, termasuk bagi belia-belia dan anak-anak sekolah,” ujar Yang Berhormat.

Di samping itu jelas Yang Berhormat, sebagai usaha memperluaskan program berkenaan, TAP juga telah bekerjasama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Hal Ehwal

Ugama; Kementerian Pendidikan; pejabat-pejabat daerah; penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung; institusi-institusi kewangan dan sebagainya.

Inisiatif-inisiatif tersebut katanya, antara lainnya termasuk mengadakan seminar dan forum, serta jerayawara yang berkaitan dengan perancangan kewangan di pelbagai tempat kepada penuntut-penuntut sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi, belia-belia yang baru memasuki alam pekerjaan, kakitangan kerajaan yang akan bersara; dan kursus bagi orang-orang yang akan berkahwin; Program Menyusur Kampung iaitu mengadakan taklimat perancangan kewangan yang diadakan di mukim-mukim dan kampung-kampung dengan bantuan penghulu dan ketua kampung yang berkenaan; dan Program Mentor Perancangan Kewangan iaitu dengan mengadakan pertandingan di antara sekolah-sekolah, dengan bantuan Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi kewangan.

Yang Berhormat seterusnya menambah, sebanyak 14 buah sekolah telah ikut serta dalam Program Perancangan Kewangan yang ditempatkan di sekolah-sekolah untuk beberapa hari bagi mengajar perancangan berkenaan.

Selain itu, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa, TAP juga telah bekerjasama dengan

Kementerian Pendidikan dan beberapa Perancang Kewangan bertauliah dari institusi-institusi kewangan di negara ini untuk menyusun aktiviti-aktiviti tahunan bagi penuntut penuntut sekolah seperti permainan dan pertandingan misalnya Mari Bercerita, Persembahan Video dan Bahas.

Program-program sebegini tambahnya, membolehkan peserta meningkatkan kesedaran dan menghayati konsep secara praktikal.

Justeru itu jelas Yang Berhormat, bermula dari 11 hingga 17 Mac 2014, TAP akan bekerjasama dengan Unit Keusahawanan, Kementerian Pendidikan untuk mengadakan beberapa aktiviti bersempena dengan sambutan Minggu Kewangan Sedunia (Global Money Week) yang disertai oleh penuntut-penuntut daripada sekolah rendah dan menengah.

Dalam pada itu Yang Berhormat menegaskan, dalam memastikan kejayaan usaha-usaha tersebut, ianya bukanlah bergantung semata-mata kepada program-program yang dijalankan kerana yang lebih utama ialah kesedaran setiap individu dalam memastikan kewangan masing-masing diurus secara rapi dan berhemat.

“Berdasarkan tinjauan-tinjauan



yang dibuat setakat ini oleh TAP, Alhamdulillah, terdapat peningkatan dalam pemahaman dan kesedaran yang berkaitan dengan *financial planning* terutamanya dalam penyertaan belia-belia di dalam produk-produk penabungan atau pelaburan secara jangka masa panjang,” ujarnya.

“Insya-Allah, TAP akan berterusan melaksanakan program-program dan juga inisiatif-inisiatif baru yang difikirkan bersesuaian,” ujarnya lagi.

## NBD berkebolehan menyumbang keamanan sejagat

Laporan : Abdullah Asgar

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng menjelaskan, memandangkan sudah 30 tahun negara mengambil alih semula pentadbiran luar negeri, Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menjalin hubungan diplomatik dengan 164 buah negara di seluruh dunia.

Setakat ini, negara mempunyai 42 buah pejabat perwakilan di luar negara termasuk 26 Kedutaan Besar, lapan Suruhanjaya Tinggi, 3 Perwakilan Tetap dan empat Kaunselor Agung dan satu Pejabat Perdagangan.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu dalam ucapan pembukaan mengenai peranan dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan pada Majlis Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) 2014 di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Menurut Yang Berhormat, pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri ditubuhkan di negara-negara yang strategik dan secara timbal balas, seperti di ibu negara rakan-rakan ASEAN dan Ahli-Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Selain itu, negara juga mempunyai kedutaan besar di Brussels dan perwakilan-perwakilan tetap di New York dan Geneva, dan seterusnya melantik dan mentauliahkan beberapa Duta-duta Besar dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi yang tidak menetap sama ada dari pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara atau dari ibu pejabat.

Menurut Yang Berhormat, kepentingan negara telah tercapai melalui keahliannya di pertubuhan-pertubuhan serantau dan antarabangsa, misalnya ASEAN,

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, OIC, WTO, APEC, NAM dan sebagainya. Ini berpandukan prinsip saling menghormati, tidak campur tangan dan penyelesaian konflik secara aman.

Penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan-pertubuhan berkenaan bukan saja cara untuk mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, tetapi juga menunjukkan kita sebagai sebuah negara yang bertanggungjawab dan berkebolehan untuk menyumbang kepada keamanan sejagat, jelas Yang Berhormat.

“Selain itu, kita juga sentiasa peka dengan apa yang terjadi di negara-negara luar yang menghadapi bencana alam dengan memberi sumbangan dan bantuan kemanusiaan. Penyertaan dalam pertubuhan-pertubuhan serantau seperti ASEAN juga merupakan satu strategi bagi kita menghadapi dunia antarabangsa. Pada tahun lepas, Brunei Darussalam telah menjadi pengerusi ASEAN. Kita telah dapat melihatkan keupayaan kita dalam mengadakan mesyuarat bertaraf antarabangsa dengan berkesan. Ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama padu dan sokongan daripada kesemua agensi kerajaan dan pihak swasta,” jelas Yang Berhormat seterusnya.

Satu lagi peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan adalah dalam memberikan bantuan kaunselor kepada rakyat Negara Brunei Darussalam semasa berada di luar negeri, ini termasuk mengeluarkan dokumen perjalanan, jika pasport rakyat Brunei dilaporkan hilang dan jika berlaku kecemasan dan adalah pentingnya bagi warganegara Brunei mendaftarkan diri ke pejabat-pejabat Perwakilan Tetap, Negara Brunei Darussalam jika berada di luar negeri.

Yang Berhormat menambah, dalam bidang perdagangan sejak tahun 2005, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah mengambil alih juga tanggung-



**MENTERI Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng. - Foto : Azmah Haji Ahad.**

jawab perdagangan luar negeri.

Peranan ini antara lain termasuk, mengenal pasti peluang-peluang perdagangan dan pelaburan dengan bantuan dan kerjasama rapat agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.

Yang Berhormat menjelaskan, Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) bukan saja membuka laluan pasaran kepada eksport tetapi juga mendedahkan para pengusaha kepada persaingan, persaingan ini diharapkan akan menjadikan para pengusaha kita lebih efisien dan berinovatif untuk terus bertahan.

Di samping itu ujarnya, sebagai negara pengguna, barang-barang yang masuk ke negara ini tidak bersaing secara langsung dengan barang keluaran tempatan, kementerian ini juga bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meningkatkan prestasi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana bagi membolehkan mereka bersaing dan menembusi pasaran antarabangsa.

Bahagian Perdagangan mempunyai Jabatan Promosi Perdagangan yang mana peruntukan BND1.5 juta telah diberikan untuk menyelaras aktiviti-aktiviti promosi perdagangan di luar negeri.

## Pengambilan calon bergaji hari mengikut dasar dikuatkuasakan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Merujuk kepada dasar mengawal bagi proses pengambilan bergaji hari pada masa ini yang terkandung di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan : 2/2007 iaitu Tatacara Pengambilan Lepas Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan secara bergaji hari bagi menggunakan *establish post* dan kedua Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Bilangan : 12/2013 iaitu Garis Panduan Tatacara Pengambilan Pekerja-Pekerja Bergaji Hari (bagi peruntukan berulang-ulang), kedua-dua dasar berkenaan pada dasarnya memberikan peluang kepada ketua-ketua jabatan untuk membuat dan melaksanakan proses pemilihan dan juga memberikan ruang kepada ketua-ketua jabatan untuk membuat pilihan calon-calon yang berkelayakkan dan bersesuaian dengan keperluan kementerian dan jabatan masing-masing.

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kewangan II (Kedua), di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang



**YANG Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor.**

Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin mengenai pengambilan bergaji hari di Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN di hari keenam.

Menurut Yang Berhormat, dengan pelaksanaan proses pengambilan dibuat oleh kementerian dan jabatan masing-masing, maka ia akan menjimatkan masa dan calon yang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria kementerian dan jabatan.

Jelasnya, bagi proses pengambilan pekerja bergaji hari menggunakan peruntukan berulang-ulang, setiap kementerian dan jabatan setelah selesai membuat pemilihan, menghadapkan sokongan dan dokumen yang telah menyatakan dalam Surat Pemberitahuan JPA dengan lengkap dan teratur untuk penelitian JPA.

Di mana setelah itu, terangnya, pihak JPA akan meneliti untuk memastikan semua calon yang disokong untuk diambil adalah teratur mengikut dasar-dasar yang berkuat kuasa pada masa ini, yang melibatkan gelaran jawatan, tangga gaji dan huraian tugas dan tanggungjawab.

Beliau seterusnya menjelaskan, bagi pengambilan lepasan ijazah dan diploma tertinggi kebangsaan, secara bergaji hari menurut Surat Keliling JPM Bilangan: 2/2007, proses pengambilan yang dikendalikan oleh kementerian dan jabatan akan diteliti oleh pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) apabila sokongan diterima bagi proses lantikan bergaji bulan.

“Jika proses pemilihan tidak mematuhi peraturan, maka SPA akan mengembalikan ke kementerian bagi mendapatkan maklumat lanjut,” ujar beliau.

# Kekalkan adat istiadat Brunei secara holistik



**MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.** - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 13 Mac. - Adat istiadat adalah sangat penting dikekalkan, dipelihara dan dibarigakan oleh rakyat dan penduduk di negara ini yang seharusnya sama-sama ditanai dan dilaksanakan tanggungjawab tersebut secara holistik, dalam erti kata rakyat, kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan

Laporan : Noraisah Muhammed

dan seumpamannya haruslah sama-sama berperanan untuk mengekalkan Adat istiadat Brunei hingga ke generasi akan datang.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, menekankan perkara tersebut semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain di hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Pemesyuaratan Kespuluh MMN di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Jelas Yang Berhormat, dalam memelihara adat istiadat tersebut pegawai-pegawai Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) diundang sebagai sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi di Negara ini mengenai Adat Istiadat Diraja dan Adat Istiadat KeBruneian, selain sebagai pemudah cara bagi kursus adat istiadat di kementerian dan jabatan kerajaan.

Di samping itu, tegas Yang Berhormat, JAIN juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi menyampaikan ceramah Adat Istiadat Diraja dan Adat Istiadat KeBruneian kepada penuntut-penuntut.

Yang Berhormat juga menyarankan, mengenai Jawatankuasa Menyusun Kurikulum Kursus-Kursus Adat Istiadat Yang Berpaksikan Kepada Falsafah Beraja Orang Brunei dan telah menyediakan Rangka Kurikulum bagi 'Kursus Adat Istiadat Diraja Brunei' bertujuan meningkatkan kefahaman, penghayatan dan pengamalan adat istiadat.

Seterusnya Yang Berhormat turut menyentuh mengenai projek tahunan JAIN iaitu 'Perkampungan Adat Istiadat Belia' yang diadakan dengan kerjasama Majlis Melayu Islam

Beraja; Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta 'Majlis-Majlis Belia Brunei' dan Program 'Menyusur Daerah, Mukim dan Kampung' telah disusun bagi menyampaikan pemahaman adat istiadat.

Mengenai dengan cadangan bagi mendokumentasikan Adat 7 Puak di Negara Brunei Darussalam yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, menurut Yang Berhormat, setakat ini terdapat Penerbitan-Penerbitan mengenai Adat dan Masyarakat dan Puak-Puak Brunei pada amnya, terutama diperingkat akademik dan juga penerbitan melalui agensi-agensi Kerajaan seperti Pusat Sejarah Brunei dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, perkara ini diambil maklum untuk dibawa bagi proses perbincangan selanjutnya dengan agensi-agensi berkenaan.



**YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain.** - Foto : Pg Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

## Amalan caj tambahan patut dihentikan

Laporan : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 Mac. - Penggunaan caj sebanyak tiga peratus ke atas pembelian menggunakan kredit kad merupakan perbuatan yang melanggar Perintah Perlindungan Pengguna, 2011.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim berkata, harga yang telah dipaparkan bagi barangan dan perkhidmatan adalah berbeza dengan harga yang dibayar oleh pengguna dan boleh dianggap sebagai penipuan.

Yang Berhormat Menteri Kewangan II (Kedua) di JPM menjelaskan demikian semasa menjawab persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim yang berkaitan dengan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE).

Menurut Yang Berhormat, berdasarkan kepada JPKE dan Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD), surcaj bagi penggunaan kad debit ataupun kad kredit pada

pengguna adalah dikenakan oleh peniaga-peniaga sendiri dan bukannya atas arahan mana-mana pihak bank.

Dalam hubungan ini jelas Yang Berhormat, pihak JPKE dan AMBD memang memantau perkara ini secara berterusan dan telah memanggil pekedai-pekedai yang mengenakan caj tiga peratus dan mengarahkan mereka untuk memberhentikan amalan ini.

"Malahan pihak AMBD sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak bank untuk memastikan peniaga-peniaga tidak mengenakan *surcharge* kepada pihak pelanggan. Sebarang *surcharge* yang perlu dibayar oleh peniaga kepada *service provider* hendaklah ditanggung oleh peniaga sendiri," ujar Yang Berhormat.

Dalam hal ini tambah Yang Berhormat, pihak persatuan bank di Brunei juga mengeluarkan kenyataan akhbar jika masih ada caj demikian dan pihak pelanggan bolehlah menghubungi pihak bank untuk mendapat keterangan lanjut.

Yang Berhormat seterusnya menambah, orang ramai boleh

membuat aduan terus ke JPKE atau AMBD jika sekiranya ada peniaga yang masih mengamalkan mengenakan caj tiga peratus ini.



**YANG Berhormat Awang Haji Gapor @ Haji Mohd. Daud bin Karim.** - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

# Melanggar Akta Kawalan Harga, diambil tindakan

Laporan : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 Mac. - Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE) akan secara berterusan membuat pemantauan dan akan mengambil tindakan segera ke atas mana-mana peniaga yang melanggar Akta Kawalan Harga.

Jika sekiranya peniaga tersebut mengulangi kesalahan mereka melalui Akta Kawalan Harga (Penggag 142) boleh dikenakan kompaun tidak melebihi BND1,000.

Akta Kawalan Harga Penggal 142 yang berkuat kuasa mulai pada 26 Disember 2012 telah menyenaraikan sebanyak 20 jenis barang yang dikawal harganya dan pemantauan harga barang-barang yang dikawal harga ini dilaksanakan bukan saja di gedung-gedung perniagaan, tapi juga di kedai-kedai runcit kampung dan pedalaman.

Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin mengenai harga barang.

Perkara mengenai penyelarasan harga-harga barangan, Yang Berhormat menambah, itu adalah sangat sukar dan sangat mencabar yang mana perbezaan harga barangan antara satu kedai yang lain adalah bergantung pada harga dari pihak pembekal, serta cara pembelian dibuat.

Umpamanya, tambah Yang Berhormat, harga barangan yang murah di pasar raya atau gedung-gedung adalah disebabkan pembelian bekalan secara borong ataupun *bulk buying* yang menggunakan harga kos purata *average unit cost* yang lebih rendah berbanding dengan kedai-kedai runcit.

Jelas Yang Berhormat seterusnya, harga yang berbeza-beza di antara peruncit biasa yang ada disebabkan perkara-perkara seperti berikut, stok yang terhad, harga sewa kedai yang berbeza dari satu tempat ke satu tempat, permintaan stok yang terhad, pilihan barang yang terhad dan bekalan bergantung pada kehendak pengimport.

"Hasil pemantauan harga barangan makanan menunjukkan bahawa harga barangan makanan antara *outlet* kecil, sederhana dan besar tidak jauh berbeza dengan *mark-up cost* iaitu pada sekitar 5 peratus," ujamnya.

Mnurut Yang Berhormat,ianya adalah disebabkan oleh persaingan harga yang sengit yang sendirinya menjadikan *sale regulatory mechanism* dalam kalangan peniaga-peniaga sendiri.

Menurutnya lagi, pihak peniaga tidak menaikkan harga sewenang-wenangnya, kerana bekalan harga yang dibekalkan oleh pembekal-pembekal yang sama.

Yang Berhormat seterusnya menyarankan kepada orang ramai untuk membuat aduan terus kepada JPKE mengenai apa jua amalan penipuan ataupun harga yang berbeza yang dikenakan oleh peniaga dari harga yang ditetapkan.

Dengan kerjasama orang ramai mengadukan perkara-perkara tersebut, segala amalan penipuan dari peniaga-peniaga yang tidak jujur dapat dibendung dengan lebih berkesan, tegas Yang Berhormat.

Dalam hubungan itu juga, Yang Berhormat menasihatkan orang ramai untuk sentiasa bijak dalam berbelanja dan membuat perbandingan harga untuk mendapatkan harga terbaik dipasaran tempatan.

Jika ada sebarang pertanyaan dan kemusykilan mengenai kawalan harga dan perlindungan pengguna, orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi melalui hotline 2230223 atau melalui e-mel aduan pengguna [www.jpke.gov.bn](http://www.jpke.gov.bn).



**YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.** - Foto : Azmah Haji Ahad.



**YANG Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.** - Foto : Azmah Haji Ahad.

# Peruntukan Imam, Bilal disediakan



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Sebanyak tujuh peruntukan pegawai masjid telah disediakan bagi Daerah Temburong iaitu tiga jawatan Imam (Imam Tingkat II dan Tingkat IV) dan empat jawatan Bilal (Bilal Tingkat IV).

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara itu ketika menjawab isu berhubung kekurangan pegawai-pegawai masjid di Daerah Temburong yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang dilantik bagi Daerah Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Memandangkan perkara tersebut berkait dengan beberapa pihak, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, maka prosesnya mengambil masa dan tidak semudah yang diharapkan, namun prosesnya sudah berjalan.

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim



**MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.**

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya berharap agensi-agensi yang berkenaan dalam kerajaan akan dapat membantu melicinkannya.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid bahawa, jumlah masjid yang terdapat di Daerah Temburong adalah sebanyak 11 buah.

Daripada jumlah tersebut, jelas Yang Berhormat lagi hanya lapan buah masjid sahaja yang mendirikan Sembahyang Jumaat, yang mana tiga daripada lapan buah masjid tersebut iaitu Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar; Masjid Kampung Puni; dan Masjid Kampung

Belais dianggap sebagai masjid yang ramai bilangan jemaahnya, maka masjid-masjid berkenaan wajar mendapat bilangan pegawai masjid yang ideal iaitu tiga orang terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Imam dan Bilal atau Marbut.

Manakala lima buah masjid lagi iaitu Masjid Kampung Batu Apoi; Masjid Kampung Labu Estet; Masjid RPN Kampung Rataie; Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung Bokok; dan Masjid Kampung Selangan mempunyai dua orang pegawai masjid yang terdiri daripada Imam dan Bilal atau Marbut.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama serterusnya menjelaskan bagi surau-surau dan balai-balai ibadat yang tidak mendirikan Sembahyang Jumaat iaitu

Surau Kampung Piasau-Piasau; Balai Ibadat Kampung Semabat dan Balai Ibadat Kampung Sibut telah ditempatkan seorang Imam atau Bilal sahaja.

“Maka dengan terisinya tujuh kekosongan jawatan yang disebutkan di atas tadi, Insya-Allah kekurangan pegawai masjid bagi Daerah Temburong akan dapat diatasi bagi jangka masa terdekat ini. Selebihnya akan bergantung kepada kebijaksanaan pentadbiran dalaman Jabatan Hal Ehwal Masjid bagi mengatur dan menyelaraskan mana-mana kekurangan, yang setentunya akan timbul dari semasa ke semasa,” jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat seterusnya memaklumkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 82 jawatan pegawai masjid iaitu Imam Tingkat I

(tiga jawatan), Imam Tingkat II (25 jawatan), Imam Tingkat III (lapan jawatan), Imam Tingkat IV (tujuh jawatan), Bilal Tingkat I (13 jawatan), dan Bilal Tingkat II (26 jawatan) bagi keperluan masjid-masjid di seluruh negara.

Semua jawatan pegawai masjid yang kosong itu jelas Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama lagi adalah dalam proses dan sasaran untuk diisikan, yang mana Yang Berhormat berharap akan dapat dilaksanakan sepenuhnya pada tahun ini.

Dengan terisinya semua 82 jawatan kosong itu nanti, menurut Yang Berhormat lagi bukan sahaja masalah kekurangan pegawai masjid di Daerah Temburong akan dapat diatasi, malahan Insya-Allah juga akan dapat mengatasi kekurangan pegawai-pegawai masjid di daerah lain.

## Beberapa inisiatif diberikan tambah gaji pekerja

Laporan : Haji Aliddin Haji Moktal



**YANG Berhormat Awang Haji A. Ahmad bin Husain. - Foto : Pg Amirul Pg Haji Mohd. Ali.**

pada 1 Januari 2010 serta Elaun Kurnia Khas yang dihulurkan kepada warga Perkhidmatan Awam mengikut bahagian masing-masing.

Yang Berhormat memberikan contoh, jika merujuk kepada sukatan gaji umum Perkhidmatan Awam jika dicampur gaji yang diterima oleh kakitangan C3 di Bahagian III sebulan ialah sebanyak BND1,990 dengan elaun yang diterima itu Elaun Sara Hidup sebanyak BND120 dan Elaun Kurnia Khas sebanyak BND170 dan jumlah yang diterima kakitangan tersebut adalah lebih kurang sama dengan jumlah kenaikan gaji yang akan diterima empat tahun kemudian.

Tambahan lagi kata Yang Berhormat, untuk meningkatkan kualiti mutu Perkhidmatan Awam, pengemaskinian Skim Perkhidmatan juga secara tidak langsung ada memberikan kenaikan gaji kepada jawatan-jawatan yang telah diluluskan skimnya, seperti Skim Perkhidmatan Perguruan, Skim Perkhidmatan Kedokteran, Skim Perkhidmatan Kejururawatan dan Skim Perkhidmatan Tenaga Akademi Institusi Pengajian Tinggi Awam.

Sehingga kini, jelas Yang Berhormat, dapat dianggarkan, kecuali Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), bahawa jumlah peratus warga Perkhidmatan Awam yang telah berjaya dikemaskinkan Skim Perkhidmatannya adalah sebanyak kira-kira 20 peratus daripada jumlah keseluruhannya.

“Di Negara Brunei Darussalam gaji yang diterima seratus peratus masuk poket, tidak kena cukai (take home pay) dan sebagainya. Alhamdulillah, kita amat bersyukur yang kita masih lagi menerima penuh gaji-gaji tersebut,” ujarnya.

Mengenai cadangan supaya orang-orang berpujian yang telah bersara agar pencen mereka diberikan bonus, Yang Berhormat menjelaskan, bonus tersebut sebenarnya adalah untuk orang-orang masih bekerja yang dibuat melalui penilaian prestasi (performance appraisal) tetapi bagi orang yang bersara tidak ada cara untuk menilai prestasi mereka.

## Halal, selamat keutamaan BKMh

Laporan : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Garis panduan untuk pengilangan dan pengendalian produk perubatan, ubat tradisional dan makanan tambahan kesihatan Halal Brunei Darussalam telah pun didokumenkan, manakala garis panduan untuk kosmetik juga telah selesai disusun dan hanya menunggu masa untuk diluluskan.

Langkah-langkah tersebut merupakan usaha yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMh), Jabatan Hal Ehwal Syariah bagi mengembangkannya lagi fungsi dan tanggungjawab bahagian berkenaan supaya ianya menepati keperluan dan memenuhi tujuan wawasan Negara Zikir.

Demikian jelas Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman ketika menjawab isu yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama berkata, pihak kementerian juga menyedari akan perkembangan yang sangat pesat dalam teknologi makanan.

“Untuk itu kita telah melantik pegawai-pegawai yang mempunyai kelulusan dalam bidang sains

perumahan sebagai pegawai di BKMh. Dalam pada itu, KHEU juga ingin menghantar mana-mana pelajar yang berkelayakan untuk mengambil ijazah dalam bidang sains perumahan, misalnya seorang telah dihantar ke Iskandariah, Mesir untuk mengambil bidang ini, dan seorang lagi telah lulus dari UK,” jelas Yang Berhormat.

KHEU jelas Yang Berhormat lagi akan sentiasa berusaha memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat Islam untuk memastikan makanan dan barangan adalah halal dan suci.

Meski pun mengakui kekurangan sumber tenaga manusia kerana sumber tenaga manusia yang diperlukan itu ialah yang terlatih dan dedikasi serta berpengetahuan agama, namun jelas Yang Berhormat seterusnya bahawa KHEU akan tetap berusaha dengan gih sehingga perkara sumber tenaga manusia dan sumber makanan halal ini akan dapat diatasi dengan baik.

Terdahulu Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan, fungsi BKMh, Jabatan Hal Ehwal Syariah iaitu untuk menguatkuasakan Akta Daging Halal Penggal 183 dan Perintah Halal dan Label Halal, 2005; mengawal kemasukan daging yang akan dipasarkan di negara ini bersumber daripada pusat-pusat penyembelihan yang diiktiraf halal oleh Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam (MUIB) serta memastikan kehalalan keluaran daging-daging mentah yang dijual kepada orang ramai.

Selain itu, bahagian berkenaan



**YANG Berhormat Datin Paduka Dayang Hajah Zasia binti Sirin.**

juga berperanan mengawasi dan mematai-matai pusat-pusat penyembelihan yang telah diberi sijil penyembelihan halal oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah serta memastikan pengusaha-pengusaha yang menggunakan Silil Halal dan Label Halal MUIB mematuhi peraturan-peraturan dan kehendak yang ditetapkan.

KHEU ujar Yang Berhormat lagi akan sentiasa mengikuti perubahan dan perkembangan semasa terutamanya berhubung dengan kepekaan dan kesedaran masyarakat Islam di negara ini terhadap keinginan untuk mendapatkan dan menggunakan produk perumahan serta perkhidmatan yang diiktiraf halal.

# Pastikan bekalan beras tidak terputus

Laporan : Abdul Taib Haji Jais



MENTERI Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim. - Foto : Azmah Haji Ahad.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Pelbagai langkah telah diambil oleh Jabatan Perbekalan dan Stor Negara (JPSN) dalam memastikan pembekalan beras tidak terputus.

Langkah-langkah tersebut antaranya ialah mengadakan kontrak perjanjian bagi pembelian seperti mengimport beras dan gula dari Thailand secara berkontrak jangka panjang.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan

Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit berhubung dengan langkah-langkah yang diambil oleh JPSN dalam memastikan pembekalan beras tidak terputus.

Mengimport beras secara berkontrak jangka pendek, jelas Yang Berhormat, juga untuk menambah pembekalan-pembekalan itu sekiranya ianya diperlukan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, Negara Brunei Darussalam juga, tambah Yang Berhormat, mengimport beras dari Kemboja secara berkontrak dalam jangka pendek dan jua mengimport beras dari Viet Nam.

Terang Yang Berhormat, pengendalian penghantaran beras juga melalui kontena dengan memperuntukkan jadual kapal yang kerap sehingga sebulan sekali atau bila-bila masa yang dikehendaki mengikut keperluan selaras dengan isi kandungan kontrak.

“Kita juga mempelbagaikan syarikat-syarikat pengeluaran beras dari Thailand. Bukan sahaja dari satu syarikat, sekarang ini dari dua syarikat dan sentiasa menyimpan tahap stok beras dan gula juga dalam satu-satu



tempoh yang realistik. Sekiranya diperlukan, dari semasa ke semasa membenarkan pengimportan beras jenis lain melalui kebenaran *application permit*,” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menambah, kadar Application Permit (AP) juga dipertingkatkan kepada pihak syarikat yang berdaftar berdasarkan kuantiti pembelian daripada kadar 10 peratus kepada 20 peratus sejak Jun 2008 dan memberikan kelonggaran import bagi kegunaan perkembangan industri tempatan.

JPSN, tambah Yang Berhormat, juga telah dan akan melaksanakan pelbagai kerjasama dengan syarikat-syarikat dari negara-negara yang dikenal pasti mampu membekal beras yang berkualiti kepada Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Kewangan II (Kedua) di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman semasa berunding bersama Ahli-ahli Yang Berhormat. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

## KESALINGHUBUNGAN BIMP-EAGA Beberapa isu dipermudahkan

Laporan : Norrassidah Jumat

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berkata, dengan adanya pemberian autonomi di daerah-daerah BIMP-EAGA maka isu-isu mengenai Kesalinghubungan (Connectivity) dapat dirundingkan dengan daerah-daerah berkenaan sahaja, tidak perlu ke peringkat pusat negara berkenaan.

Menteri Perhubungan menyata-kan perkara itu sebagai tambahan

kepada penjelasan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II (Kedua) semasa menjawab soalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim pada hari keenam Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Kesepuluh MMN di Bangunan Dewan Majlis, MMN, di sini.

Terdahulu Menteri Perhubungan berkata, beberapa isu dalam BIMP EAGA dapat dirunding atau dipermudahkan dan yang ketara ialah dalam perhubungan udara, misalnya perhubungan udara antara BIMP-EAGA setengahnya diberi kelonggaran, bagaimanapun, kita mendapati beberapa negara di dalam BIMP-EAGA belum lagi memberikan atau masih dikawal dari peringkat pusat negara tersebut.

“Dalam hal ini, kita berharap dengan adanya BIMP-EAGA ini Negara Brunei Darussalam akan menjadi satu pusat (hub) yang dapat menyalurkan segala barangan dan penumpang di negara kita dan dalam hal ini, saya yakin bahawa rantau (*region*) yang ada sekarang memberikan beberapa *edge* kepada ‘Royal Brunei’ iaitu penumpang-penumpang dalam BIMP-EAGA tersebut diharap akan dapat menjadikan Negara Brunei Darussalam, pusat untuk mereka menggunakan Negara Brunei Darussalam mengembara atau terbang ke *region* yang lain,” ujar Menteri Perhubungan.



YANG Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim. Foto: Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

atau mendadak, termasuklah juga untuk menunaikan fardu haji.

Namun pengeluaran caruman dalam TAP ini, katanya, adalah dikawal oleh undang-undang seperti yang dinyatakan tetapi dalam waktu yang sama, pihak TAP akan mengkaji untuk membolehkan fleksibiliti pada pengeluaran wang caruman dan dengan mengambil kira bahawa kadar caruman yang dibuat ke dalam TAP di Negara Brunei Darussalam adalah masih rendah iaitu lima peratus

dari pihak pekerja dan lima peratus daripada pihak majikan berbanding dengan negara-negara lain yang melebihi 20 peratus.

Dalam hal ini menurut beliau, dalam membuat pertimbangan pihak TAP mengambil perkiraan apa pun keputusannya akan dibuat nanti, ianya tidak akan menjejaskan *benefit* (keuntungan) waktu persaraan dan pada hari tua.

## TAP teliti peluang pelaburan hartanah

Laporan : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 13 Mac. - Pihak Tabung Amanah Pekerja (TAP) Negara Brunei Darussalam akan sentiasa menilai dan melihat peluang-peluang pelaburan dengan begitu berhati-hati bagi memastikan bahawa risiko pelaburan yang dibuat itu tidak menjejaskan Wang Caruman pencarum-pencarum dalam TAP.

Di samping itu, pihak TAP juga akan meneliti peluang-peluang caruman dalam hartanah serta peluang-peluang pelaburan dalam negeri yang difikirkan dapat memberikan pulangan yang tinggi dengan risiko yang rendah.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menjelaskan perkara itu semasa menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat



YANG Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Awang Goh King Chin mengenai kadar dividen ataupun pulangan yang diberikan oleh TAP sebanyak 2.5 peratus berbanding dengan kadar dividen yang diberikan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Malaysia dan Central Provident Fund (CPF) Singapura yang mana kadar yang dinyatakan adalah tinggi daripada enam peratus.

“Dalam membandingkan keupayaan TAP untuk memberikan dividen yang tinggi kepada pencarumnya dengan negara-negara yang juga mempunyai institusi yang serupa, kita perlu melihat dengan keadaan pasaran ataupun pelaburan yang terdapat di negara-negara berkenaan,” terang Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Menurutnya, kalau kita melihat kepada pelaburan ataupun pasaran pelaburan di negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mereka mempunyai *advantage* kerana Malaysia mempunyai *capital market*nya tersendiri yang memberikan peluang pelaburan kepada KWSP tanpa risau akan kesan pertukaran mata wang dan begitu juga dalam kedudukan Malaysia, kerajaannya memberikan jaminan mengenai keadaan pasaran kapital di negara berkenaan.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, tambahna, pelaburan kita adalah begitu terhad di mana kumpulan-kumpulan wang caruman TAP adalah dilaburkan dalam bentuk *equity*, *bond* dan Simpanan Tetap.

Dalam waktu yang sama juga katanya, berbanding dengan negara-negara yang dinyatakan tadi, mereka mempunyai fleksibiliti dalam melaburkan Wang Caruman tanpa mengira apa jenis pelaburan.

Manakala, dalam konteks kita



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah. - Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

di Negara Brunei Darussalam, pelaburan-pelaburan kita adalah mengikut 'Islamic Compliance' ataupun mengikut Peraturan-Peraturan Islam.

“Jadi, kita tidak melabur dalam syarikat-syarikat *brewery* ataupun yang membuat minuman keras. Begitu juga dengan syarikat-syarikat yang menghasilkan barang-barang yang haram seperti khinzir dan seumpamanya,” ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, menjawab usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf iaitu untuk membolehkan pencarum-pencarum dalam TAP mengeluarkan wang caruman mereka bagi tujuan menunaikan fardu haji, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menjelaskan bahawa dalam hal ini, memang TAP menyedari bahawa terdapat sebilangan kecil ahli-ahli TAP yang mempunyai kesulitan kewangan untuk membiayai keperluan seharian

# Lima qari dan qariah mara ke peringkat akhir



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir di Majlis Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1435H / 2014M.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 12 Mac. - Seramai lima qari dan lima qariah pada pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan

Tahun 1435H / 2014M telah terpilih bagi memasuki peringkat akhir.

Majlis Pengumuman Keputusan dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman di Dewan Utama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) di Kampong Pulaie, di sini.

Pengumuman keputusan diumumkan oleh Pengerusi Jemaah Hakim pertandingan, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Qur'an oleh Johan Pertandingan Membaca Al-Qur'an, Menghafaz Ayat-Ayat Lazim dan Lagu-Lagu Dakwah bagi Saudara-Saudara Baru Tahun 1435H / 2014M, Awang Haji Muhd. Faizul bin Haji Azlan.

Lima qari yang berjaya mara ke peringkat akhir ialah Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu, Awang Haji Muhd. Fahmie bin Haji Awang Metussin, Awang Md. Fikri bin Haji Awang Metussin, Awang Mohammad bin Ali dan Awang Md. Zul Hafiz bin Awang Tengah.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

Sementara qariah yang berjaya ke peringkat akhir ialah Dayang Hajah Nurfaezah binti Haji Emran, Dayang Hajah Nurul Akmalina binti Haji Yahya, Dayang Hajah Siti Noor Dzuhairah binti Haji Awang Damit, Dayanku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dan Dayang Huzaimah Yadey binti Haji Rosli.

Majlis diserikan dengan persembahan bacaan Al-Qur'an oleh salah seorang peserta qari dan qariah yang terpilih ke peringkat akhir.

Pemilihan kelayakkan sepuluh qari dan qariah ini akan disatukan dengan dua peserta menunggu iaitu Awangku Haji Muhammad Adibul Amin bin Pengiran Haji Majuki dan Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman yang menjadikan di Peringkat Akhir Kebangsaan itu nanti seramai 12

peserta yang bakal bertanding pada 8 hingga 10 April 2014.

Pertandingan berkenaan merupakan projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang antara lain bertujuan memilih qari dan qariah bagi melayakkan diri memasuki ke peringkat akhir kebangsaan.

Ianya juga diharap dapat memberikan pendedahan dan akan dapat meningkatkan mutu pembacaan qari dan qariah, di samping membuka minda dan minat kepada masyarakat dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan bersistematik.

Pertandingan dikendalikan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama PDI.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi ketika menyampaikan hadiah kepada peserta.



MAJLIS diserikan dengan persembahan bacaan Al-Qur'an oleh peserta yang terpilih ke peringkat akhir.

## Dedahkan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah kepada para guru



TAKLIMAT pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 kepada guru-guru dan kakitangan sekolah rendah zon Brunei III, bertempat di Sekolah Rendah Rimba II disampaikan oleh beberapa orang pegawai jemputan.

**RIMBA**, Rabu, 12 Mac. - Bagi meningkatkan kefahaman orang ramai mengenai Hukum Kanun Jenayah Syar'iah yang akan mula berkuat kuasa pada April akan datang, pelbagai usaha telah dan sedang giat dijalankan.

Sehubungan itu, Bahagian Pendidikan Rendah Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pendidikan telah mengunyahkan taklimat pembarigaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 kepada guru-guru dan kakitangan sekolah rendah zon Brunei III, bertempat di Sekolah Rendah Rimba II, di sini.

Taklimat disampaikan oleh beberapa orang pegawai jemputan terdiri daripada Timbalan Pendakwa Syarie di Unit Perundangan Islam, Dayang Mahani binti Awang Haji Suhaili; Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan, Dayang Hajah Hassanah binti Haji Hassan; Pegawai Ugama Unit Perundangan Islam, Dayang Saadatul Nazaha binti Haji Saiful Ashur; Timbalan Pendakwa Syarie, Unit Perundangan Islam, Awang Haji Zuneidy bin Jumat; Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan dan Pegawai Penyelidik Ugama Kanan di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mas

Reduan bin Haji Jumat.

Antara perkara yang diterangkan semasa taklimat tersebut ialah peruntukan di bawah Bab 204 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 mengenai memberi atau menyerahkan orang Islam. Bab ini menghendaki mana-mana ibu atau bapa atau penjaga yang beragama Islam yang ingin menyerahkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah memastikan bahawa anak atau kanak-kanak tersebut diserahkan kepada jagaan orang yang beragama Islam sahaja.

Tujuan bab ini diperuntukkan adalah untuk memastikan akidah anak-anak

Oleh : Abdul Taib Haji Jais  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

orang Islam tersebut terjaga dan terpelihara. Selain itu bab ini juga meliputi kepentingan 'orang-orang Islam yang di bawah jagaan' termasuklah orang tua, orang kurang upaya, orang sakit dan lain-lain'.

Seseorang yang menyerahkan atau memberikan anaknya, kanak-kanak atau orang Islam yang di bawah jagaannya kepada orang yang bukan beragama Islam adalah melakukan kesalahan dan jika sabit boleh dihukum denda tidak melebihi BND20,000 atau penjara tidak melebihi tempoh lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Taklimat juga menyentuh mengenai kesalahan di bawah Bab 207, iaitu ajaran atau amalan dan lain-lain yang bertentangan dengan Hukum Syara'.

Ahli panel menjelaskan bahawa kesalahan ini bukan sahaja dikenakan kepada orang Islam, bahkan ia juga turut dikenakan kepada mereka yang bukan beragama Islam jika orang bukan Islam itu melakukan perbuatan tersebut dengan melibatkan orang Islam.

Terdapat dua keadaan yang mana orang Islam dikenakan kesalahan iaitu keadaan pertama jika orang Islam mengajar atau menjelaskan apa-apa ajaran agama Islam dengan cara yang bertentangan dengan Hukum Syara' dan keadaan kedua jika orang Islam

mengajar, menjelaskan, menjalankan, melaksanakan atau mengamalkan sesuatu upacara atau perbuatan bertentangan dengan Hukum Syara'.

Walau bagaimanapun, jika orang Islam mengajar atau menjelaskan apa-apa ajaran atau amalan yang bertentangan dengan agama Islam untuk menunjukkan atau memberi pengajaran bahawa ajaran tersebut adalah salah, ianya tidak menjadi kesalahan kerana ianya dilakukan untuk pengetahuan dan faedah umat Islam.

Taklimat merupakan sesi taklimat pertama yang diadakan mengikut zon sekolah-sekolah rendah yang disasarkan kepada semua guru-guru dan kakitangan di keempat-empat buah daerah iaitu seramai 3,858 orang.

Sesi taklimat berikutnya dijadualkan berlangsung pada 29 Mac ini bagi zon Brunei I yang akan berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Rimba.

Pengungkayahan taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 tersebut dihasratkan akan menjadi wadah yang berguna dalam menggali dan memahami dengan lebih jitu lagi mengenai Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, 2013. Justeru itu, ia diharap akan dapat menjadi benteng yang kukuh dalam menangkis hasutan golongan yang mempersoalkan pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 di Negara Brunei Darussalam.

# Pelancaran Membaca Al-Qur'an 68 Kali Khatam

**TUTONG**, Isnin, 10 Mac. - Majlis Membaca Al-Qur'an 68 Kali Khatam Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Peringkat Daerah Tutong bagi tahun 2014 dilancarkan di Masjid Hassanah Bolkiah, di sini.

Hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (Bersara) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis yang bermula selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah itu, didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah dan diikuti dengan bacaan Al-Qur'an beramai-ramai oleh peserta bacaan Al-Qur'an 68 kali khatam yang melibatkan seramai 408 peserta terdiri daripada enam kategori iaitu kategori lelaki dewasa, perempuan dewasa, belia lelaki, beliawanis, kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Majlis berkenaan adalah untuk memohon doa ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

**Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**



**TIMBALAN** Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa hadir selaku tetamu kehormat di majlis keagamaan tersebut.

Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah serta petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, ia juga bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk di negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan

nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah pimpinan bijaksana baginda sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Dalam pada itu, ia juga bagi mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan rakyat celik Al-Qur'an.

# Taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah terus diadakan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid,  
Siti Akmar Khairunnisa Abdul Rahman  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 10 Mac. - Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 akan dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk kesalahan yang mengenakan hukuman mati setelah 24 bulan dari Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syar'iah diwartakan.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama menganjurkan taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian tersebut selama dua hari, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Hadir dalam taklimat tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Di antara penceramah-penceramah yang diundang iaitu Awang Haji Johar bin Haji Mohamad yang menerangkan mengenai fasa-fasa pelaksanaan dan jenis-jenis kesalahan di bawah Hadd, Qisas, Diyat dan Ta'zir, manakala Dayang Hajah Zuraini binti Haji Sharbawi pula menerangkan mengenai keadaan pembuktian.

Seterusnya Dayang Hajah Norhartijah binti Haji Puteh menerangkan mengenai beberapa kesalahan-kesalahan am di bawah Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah yang akan dilaksanakan mulai bulan April ini.

Fasa pertama setelah enam bulan Perintah Hukuman Syar'iah 2013 diwartakan, semua kesalahan dalam Bahagian IV penggal IV

(kesalahan-kesalahan Am) akan dikuatkuasakan kecuali kesalahan yang mengenakan hukuman sebat atau mati iaitu kesalahan-kesalahan dakwah palsu, menghina Nabi oleh bukan orang Islam, subahat dan percubaan serta mempermainkan ayat Al-Qur'an dan hadis oleh orang bukan Islam, subahat dan percubaannya.

Dalam fasa kedua setelah 12 bulan dari Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syar'iah diwartakan, semua kesalahan yang mengenakan hukuman *hadd*, *diyat*, *arsy* dan *badal al-sulh* akan dikuatkuasakan kecuali

kesalahan yang mengenakan hukuman mati seperti Hirabah (rompak) jika mangsa dibunuh, zina / zina bil-jabar (rogol), liwat jika pesalah itu muhsan, kesalahan-kesalahan yang berkaitan Irtidat (murtad) dan Qatul-amd (bunuh dengan niat / sengaja).

Bagi fasa ketiga pula ialah setelah 24 bulan dari Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syar'iah diwartakan, Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 akan dikuatkuasakan sepenuhnya termasuk kesalahan yang mengenakan hukuman mati.



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid semasa hadir dalam Majlis Taklimat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian tersebut.

# Pakar luar negara hasilkan rekaan injap moden

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Md. Khairulanwar Idris  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**

**TUNGKU**, Isnin, 10 Mac. - Sebuah rekaan terbaru bagi Perindustrian Injap (Industrial Valve) telah dihasilkan oleh seorang pakar dari Syarikat IVAPS Sendirian Berhad.

Syarikat tempatan tersebut telah dianugerahkan geran oleh pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) setelah berjaya dipilih dalam program 'Leap Grant' anjuran BEDB tahun lalu.

Bagi memberikan lagi kefahaman mengenai rekaan tersebut, satu taklimat dan demonstrasi telah diadakan petang tadi oleh Syarikat IVAPS Sendirian Berhad, bertempat di Bilik Teater Institut Teknologi Brunei (ITB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Juga hadir pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan antaranya Jabatan Perkhidmatan Air, Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd, Total, Hengyi Industries dan Petronas Carigali Brunei.

Dalam taklimatnya, pereka injap 'The Enston Valve' iaitu Mr. Peter Enston menjelaskan bahawa, injap yang baru dihasilkan itu memberi banyak kemudahan jika terjadinya kerosakan pada injap, yang mana rekaan terbaru itu tidak memerlukan kerja-kerja penggalian untuk memperbaikinya, tiada gangguan trafik, penjimatan tenaga kerja, kebocoran dapat di lihat di permukaan serta memberi pulangan yang lebih baik ke atas pelaburan.

Beliau seterusnya menjelaskan dari segi kesan alam sekitar, injap terbaru itu memberikan pengurangan besar dalam jejak karbon (*carbon footprint*), yang mana sebanyak 95 peratus kurang berbanding dengan kaedah pembaikan konvensional, dan ia juga boleh dikitar semula iaitu apabila ianya dikeluarkan dapat diperbaiki dan digunakan semula.

Menjelaskan mengenai rekaan yang digunakan pada masa ini, beliau berkata rekaan lama itu sudah digunakan sejak 150 tahun yang lalu dan jika terjadinya kebocoran, ia akan mengambil masa yang lama untuk menutup saluran paip dan memerlukan antara 24 hingga 72 jam masa buruh untuk memperbaikinya.

Sementara itu, dalam temu bual bersama wakil media, Mr. Peter Enston menjelaskan bahawa, rekaan yang ada ketika ini adalah merupakan prototaip kepada injap yang dihasilkan itu.

Fasa seterusnya, jelas beliau, adalah untuk memajukan rekaan tersebut dan seterusnya menarik pengguna seperti syarikat-syarikat bekalan air dan minyak untuk memasang injap tersebut secara percubaan agar mereka dapat menilai sendiri keberkesannya.

"Saya berasa berbangga berada di sini dan saya melihat ini adalah satu peluang untuk membantu memajukan dan memperkembangkan lagi Negara Brunei Darussalam dalam bidang selain daripada sektor minyak dan gas," ujar beliau.

Di samping itu, tambahnya, ia juga peluang bagi bakal-bakal jurutera muda untuk terlibat secara aktif dalam inovasi baru ini, dengan pihaknya sudah pun memeterai Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan ITB untuk bekerjasama dalam beberapa bahagian dan perkembangan tertentu khusus untuk rekaan tersebut.

"Kami berharap untuk memasang injap percubaan pertama di dalam tanah dalam tempoh 12 bulan ini dan kami sudah mempunyai pelanggan berpotensi dari United Kingdom yang melahirkan minat terhadap rekaan terbaru ini," tambahnya.



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar semasa menghadiri taklimat dan demonstrasi oleh Syarikat IVAPS Sendirian Berhad, bertempat di Bilik Teater Institut Teknologi Brunei.

| وقت سمبهيڄ داعيره برونئي موارا دان تمبوروغ ، امساڪ ، شوروق دان ضحي                                                                                                                                  |      |      |       |      |       |      |       |                      |       |              |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|------|-------|------|-------|------|-------|----------------------|-------|--------------|
| وقت سمبهيڄ ، امساڪ ، شوروق دان ضحي باقي داعيره برونئي موارا دري هاري سبتو 15 مرچ 2014 برسامان دغن 13 جمادي الاول 1435 هيڏن ڪهاري جمعة 21 مرچ 2014 برسامان 19 جمادي الاول 1435 اداله سقرت دباوه اين: |      |      |       |      |       |      |       |                      |       |              |
| عشاء                                                                                                                                                                                                | مغرب | عصر  | ظهر   | ضحى  | شوروق | صبح  | امساڪ | هجريه<br>جمادي الاول | هاري  | مسيحي<br>مرچ |
| 7.41                                                                                                                                                                                                | 6.32 | 3.41 | 12.31 | 6.49 | 6.26  | 5.15 | 5.00  | 13                   | سبتو  | 15           |
| 7.41                                                                                                                                                                                                | 6.32 | 3.41 | 12.31 | 6.49 | 6.26  | 5.15 | 5.00  | 14                   | احد   | 16           |
| 7.41                                                                                                                                                                                                | 6.32 | 3.40 | 12.30 | 6.49 | 6.25  | 5.15 | 4.59  | 15                   | اثنين | 17           |
| 7.41                                                                                                                                                                                                | 6.32 | 3.39 | 12.30 | 6.48 | 6.25  | 5.16 | 4.59  | 16                   | ثلاث  | 18           |
| 7.41                                                                                                                                                                                                | 6.32 | 3.38 | 12.30 | 6.48 | 6.25  | 5.16 | 4.59  | 17                   | رابعو | 19           |
| 7.41                                                                                                                                                                                                | 6.32 | 3.37 | 12.29 | 6.47 | 6.24  | 5.16 | 4.58  | 18                   | خميس  | 20           |
| 7.40                                                                                                                                                                                                | 6.31 | 3.37 | 12.29 | 6.47 | 6.24  | 5.16 | 4.58  | 19                   | جمعة  | 21           |



**JABATAN PENJARA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BILANGAN TAWARAN :**  
JPB/1/2014  
**KETERANGAN:**  
**TAWARAN MEMBEKALKAN**  
**CATUAN MAKANAN BAGI**  
**PENJARA WANITA JERUDONG**

**YURAN TAWARAN :BND10.00 (Tidak**  
**Dikembalikan)**  
**TARIKH TUTUP DAN WAKTU**  
**Hari Selasa, 1 April 2014**  
**(tidak lewat dari jam 2.00 petang)**

**WAKTU-WAKTU MENERIMA /**  
**MENGAMBIL**  
**DOKUMEN TAWARAN :**

**ISNIN-KHAMIS : 8.00 HINGGA 11.30**  
**PAGI DAN**  
**1.30 HINGGA 3.00 PETANG**  
**HARI SABTU :8.00 HINGGA 10.00**  
**PAGI**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada Syarikat-Syarikat yang berdaftar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan dan hendaklah dihantar

dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat tersebut hendaklah ditulis Bilangan Tawaran dan Nama Tawaran seperti mana yang diiklankan tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:-

**PENGERUSI**  
**LEMBAGA TAWARAN KECIL,**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL**  
**DALAM NEGERI,**  
**TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**BS8610.**

3. Tarikh tutup bagi tawaran tersebut ialah pada **hari Selasa, 1 April 2014 tidak lewat jam 2.00 petang**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. Borang-borang tawaran boleh diperolehi di **Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat,**

**Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam.**

5. Setiap borang tawaran yang telah lengkap diisikan hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, salinan Resit Pembayaran Dokumen Tawaran, Salinan Kad Pengenalan, Borang Pengakuan (Declaration Form), Borang Senarai Pemilik Syarikat serta katalog berkaitan.

6. Yuran Tawaran (Tender Fee) dikehendaki dibuat dengan **WANG TUNAI** sahaja dan tidak dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibayar di **Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Penjara, Jalan Jerudong BG3122, Negara Brunei Darussalam**, semasa waktu-waktu bekerja.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu bahawa Jualan Lelong secara sebut harga bagi peralatan pejabat kepunyaan Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar dan Orang ramai yang berminat untuk membeli bolehlah mendapatkan borang Jualan lelong secara sebut harga di alamat:-

**BAHAGIAN STOR**  
**TINGKAT III**  
**IBU PEJABAT**  
**PEJABAT IMIGRESEN DAN**  
**PENDAFTARAN KEBANGSAAN,**  
**JALAN MENTERI BESAR.**

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
**25 MAC 2014 JAM : 2.00 PETANG**

**Bil, KETERANGAN**  
**BARANG, JUMLAH**  
**1. Peti Sejuk GH 1351 - 4 Buah**  
**2. Perabot Pejabat - 40 Unit**  
**3. Mitsubishi Pajero High Roof Wagon -**  
**1 unit**

**Tempat Melihat:**  
**Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan**  
**Pendaftaran Kebangsaan**  
**Jalan Menteri Besar**

**Jualan lelong peralatan perkakas**  
**pejabat secara sebut harga diadakan pada**  
**13 Mac 2014 hingga 25 Mac 2014.**  
**Waktu bagi melihat barang lelong:**  
**Pagi : 9.30 pagi hingga**  
**12.00 tengah hari**  
**(pada hari-hari bekerja)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong firma swasta dan orang rami.

2. Borang tawaran, syarat-syarat dan keterangan lanjut mengenainya boleh diperolehi dengan menghubungi di talian 2382106 ext. 138, semasa waktu Pejabat Tingkat III, Bahagian Stor, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar.

3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebutharga akan dihubungi untuk tindakan selanjutnya.

4. Lelongan sebutharga yang berjaya ini adalah dinilai berdasarkan harga tawaran yang tertinggi.

5. Kesemua tawaran sebut harga lelong hendaklah diisi menggunakan borang yang diberikan secara lengkap dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Tingkat 3, Bahagian Kewangan Ibu Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam **tidak Lewat pada hari Selasa 25 Mac 2014 Jam 2.00 petang** dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat (sealed) dan tertulis dengan terang **“MELELONG PERALATAN PEJABAT.”**

6. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara wang tunai dan memin-dahkan barang yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan.

7. Barang yang dibeli, tetapi tidak dipindahkan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perlelongan ini akan dirampas dan dilelong semula.



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN & REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DI BUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR**  
**DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KELAS III & IV DALAM KATEGORI KP12 ATAU 5F**

**Tarikh Buka Tawaran pada : 11 Mac 2014 (Selasa)**

**Tarikh Tutup Pada : 25 Mac 2014 (Seleasa) Sebelum Jam : 2.00 petang**

(Di Tutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BL / T019 / 2013**

**LANDSCAPE MAINTENANCE TO JALAN SULTAN TOWARDS JALAN RAJA**  
**ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA TO TELANAI TRAFFIC LIGHT INCLUDING**  
**ROADSIDES ALONG ISTANA NURUL IMAN AND ISTANA MAIN GATE PLANTER**  
**AND**

**LANDSCAPE OUTSIDE HIJAU BAIDURI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS.**

**NO. PROJEK : JASTRE / BL / T003 / 2014**  
**JUMLAH YURAN TAWARAN : B\$ 50.00**  
**(Non Refundable)**



**LEMBAGA BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang dan Pembekal-Pembekal yang berdaftar di NegaraBrunei Darussalam.

**TAWARAN: 1. Tawaran Menyewa**  
**Ruang Kioks Jualan Makanan dan**  
**Minuman Dalam Bangunan jabatan**  
**Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan**  
**Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan,**  
**Negara Brunei Darussalam.**

**BILANGAN TAWARAN:**  
**JBBSB/UPA/SH/1/2014**

**Tarikh Pengambilan Borang Tawaran:**

**Hari Rabu, 15 Jamadilawal 1435 /**  
**13 Mac 2014.**

**Tarikh Tutup Tawaran: Hari Rabu,**  
**23 Jamadilawal 1435 / 25 Mac 2014**  
**Jam: 2.00 Petang**

2. Borang tawaran boleh didapati di **Tingkat 1, Unit Pengurusan Aset, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri, semasa waktu pejabat** dibuka.

3. Borang tawaran ini adalah **\$10.00 bagi setiap satu tawaran** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-Penender,Salinan resit bayaran borang tawaran hendaklah disertakan bersama borang .Tempat Pembayaran:

**Bahagian Kaunter Kewangan**  
**Tingkat 3, Jabatan Bandaran**  
**Jalan Perdana Menteri,**

**Bandar Seri Begawan BA1512**  
**Negara Brunei Darussalam**

4. Tawaran-tawaran yang lengkap hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti penender.

5. Tawaran-tawaran hendaklah juga menyer-takan salinan pendaftaran Syarikat, salinan Sijil perniagaan Business Names Of Enactment Section 16 and 17 atau list of Directors dan salinan kad pengenalan pemohon.

6. Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI TAWARAN** bertempat di Tingkat 3, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Jawatankuasa Meneliti**  
**Tawaran dan Sebut Harga**  
**Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan,**  
**Jalan Perdana Menteri**  
**Bandar Seri Begawan BA 1512**  
**Negara Brunei Darussalam**

Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tawaran yang disebutkan tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Per-tuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima sebarang yang paling tinggi atau seumpamanya.



**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA NO. LA/76/2011**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI HAWA BINTI HJ UMAR** kerana minta Surat Kuasa kepada Harta Pusaka yang dipunyai oleh **SUFIAN BIN HAJI PANJANG** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab si pemohon ialah **BALU** kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **01 April 2014, pada jam 9.30 pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam Harta Pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 3 Mac 2014

**Penolong Pegawai Waris**  
**Negara Brunei Darussalam**



**JABATAN PERCETAKAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PEMBEKAL-PEMBEKAL adalah dipelawa bagi menghantar tawaran mereka kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil**, Jabatan Perdana Menteri, Level 1 Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Jalan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam bagi membekalkan yang disebutkan berikut :

**MEMBEKALKAN, PENGHANTARAN, PEMASANGAN, KONFIGURASI, PENGUJIAN, PENTAULIAHAN, LATIHAN, PEMELIHARAAN (PENYELENG-GARAAN) DAN JAMINAN BAGI PEMANTAUAN SISTEM KESELAMATAN DAN SISTEM KAWALAN LALUAN KE ATAS BANGUNAN PERCETAKAN KESELAMATAN, JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN.**

**THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, CONFIGURATION, TESTING, COMMISSIONING, TRAINING, MAINTENANCE AND WARRANTY OF BUILDING SECURITY MONITORING SYSTEM AND ACCESS CONTROL SYSTEM OF SECURITY PRINTING BUILDING, GOVERNMENT PRINTING DEPARTMENT**

**RUJUKAN TAWARAN: GP/ADM/SP/01/2014**

Dokumen-dokumen dan syarat-syarat bagi pembekal boleh diperolehi dan pembayaran (tidak dikembalikan) bagi Yuran Tawaran \$50.00 + Yuran Dokumen \$5.00 boleh dibuat di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 1, Jabatan Percetakan Kerajaan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa waktu bekerja. Tarikh tutup menghantar tawaran ialah hari **Selasa 15 April 2014, jam 2.00 petang**.



**JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**BILANGAN TAWARAN: TANAH/01/2014**

**NAMA TAWARAN: TAWARAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BANGUNAN JABATAN TANAH, JABATAN UKUR DAN JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA LAPANGAN TERBANG LAMA BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Dokumen tawaran dan keterangan lanjut mengenai perkara ini bolehlah diperolehi di Unit Kewangan Bahagian Pentadbiran, Jabatan Tanah Tingkat 4 Bangunan jabatan Tanah, Lapangan Terbang Lama Berakas, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat dibuka.

3. Setiap pemborong yang berhasrat mengikuti tawaran ini mestilah membayar yuran tawaran berjumlah \$20.00 (Ringgit : Dua Puluh Ringgit Brunei Sahaja) yang tidak akan dikembalikan kepada penender-penender samada yang Berjaya atau tidak Berjaya. Waktu pembayaran Hari Isnin hingga Khamis jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang dan Hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

4. Tawaran hendaklah dihantarkan dalam sampul surat yang tertutup rapi yang bertulis "TAWARAN KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BANGUNAN JABATAN TANAH, JABATAN UKUR DAN JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA." Bilangan Tawaran dan Tarikh Tutup Tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran **tidak lewat pada hari Selasa, 15 April 2014 jam 2.00 petang** dan ditujukan kepada:-

**Pengerusi  
Lembaga Tawaran Kecil  
Kementerian Pembangunan, Tingkat Bawah  
Bangunan Kementerian Pembangunan  
Lapangan Terbang Lama Berakas  
Bandar Seri Begawan BB3510,  
Negara Brunei Darussalam**

5. Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta-Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration-Business Names Act) mestilah di sertakan.

6. Tawaran -tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan diatas tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran- tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran yang tidak munasabah.



**JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN**

**JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM  
PERALATAN/PERKAKAS PEJABAT  
JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN**

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan orang-orang perseorangan.
2. Dokumen tawaran bolehlah diperolehi daripada **Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Unit Kutipan hasil dan Penghapusan pada waktu pejabat dibuka.**
3. Tawaran hendaklah diserahkan kepada Kerani Kewangan, Unit Kutipan Hasil dan penghapusan **tidak lewat pada jam 9.30 pagi hari Sabtu, 22 Mac 2014.**
4. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup dengan menunjukkan bilangan sebut harga dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
5. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang disediakan.
6. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya memindahkan barang yang telah dibeli tidak lewat dua (2) hari dari tarikh pembayaran tersebut. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan pembayaran yang sudah dibuat tidak akan dikembalikan.
7. Hanya penawar yang berjaya sahaja akan dihubungi dalam tempoh 2 minggu setelah tawaran ditutup.



**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**JABATAN PENDIDIKAN TEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

Dimaklumkan bahawa kursus pendek urusan rumahtangga kini dibukakan kepada orang ramai yang berminat .

Antara kursus-kursus yang di tawarkan:-

**Jenis-jenis kursus I:-**

1. Set A -Pastri Rapuh (Tart telur, tart buah)
2. Set B - Pastri Lapis (Karipap Pesar)
3. Set C - Puff Pastri (Cream Puff & eclairs)
4. Set D -Kueh Rangin

**Jenis-jenis kursus II**

1. Kek Roll
2. Dessert (pencuci Mulut)
3. Apam Balik
4. Cakoi

**Jenis-jenis kursus III**

1. Baju Kurong
2. Cara Melayu
3. Solekan (Make up)
4. Mengandam (Pengangun)

**Bulan  
April / Mei / Jun 2014**

Jika berminat sila ambil borang dan membuat pembayaran semasa waktu dan hari bekerja **tidak lewat 31 Mac 2014.**

**Bertempat:-  
Bahagian Pendidikan Lanjutan  
Spg 347, Jalan Pasar Baru Gadong,  
Jabatan Pendidikan Teknik  
Kementerian Pendidikan Lanjutan**

**Untuk keterangan lebih lanjut hubungi:  
Hajah Jauyah binti Haji Matusin ditalian 2422493**



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN PERKHIDMATAN  
ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang  
Yuran Tawaran : B\$ 50.00  
(tidak dikembalikan)**

**Bil. Tawaran :  
JPE / LTK / BP / 010 / 2014**

**Tajuk Sebut Harga :  
SUPPLY AND DELIVERY OF STS  
SPLIT CONFIGURATION PLC  
KEYPAD PREPAYMENT METERS  
(THREE PHASE METER)  
Tarikh Tutup : 1 April 2014,**

**Bil. Tawaran :  
JPE / LTK / BP/ 011 / 2014**

**Tajuk Sebut Harga :  
SUPPLY AND DELIVERY OF STS  
SPLIT CONFIGURATION PLC  
KEYPAD PREPAYMENT METERS  
(SINGLE PHASE METER)**

**Tarikh Tutup : 1 April 2014,  
(Hari Selasa) Jam 2.00 Petang  
Yuran Tawaran : B\$ 30.00  
(tidak dikembalikan)**

**Tempat Tutup :  
'PETI TAWARAN'  
PENGURUS LEMBAGA TAWARAN  
KECIL**

**JALAN MENTERI BESAR  
JABATAN PERDANA MENTERI,  
NEGARA BRUNEIDARUSSALAM**

**KELAYAKAN:  
PEMBEKAL YANG BERDAFTAR**

**DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGU-  
NAN BAGI KATEGORI P01/P05 DALAM  
KELAS II KE ATAS**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari **Unit Pendaftaran, Bahagian Perdagangan, Tingkat I, Jabatan Perkhidmata Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.**

**PERHATIAN:**

Sila bawa salinan dan sijil pendaftaran Kementerian Pembangunan semasa mengambil dokumen di Kaunter Unit Pendaftaran Bahagian perdagangan, Tingkat Satu (1) Jabatan Perkhidmatan Elektrik.



اِنْسْتِيتُوْتُ قَرْخِيْدْمَاتِنِ اَوَّامِ

INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM  
Jabatan Perdana Menteri

# Peraduan Menulis Esei 2014

## ESEI BERASASKAN PENYELIDIKAN

**\$2,000**

PEMENANG PERTAMA

**\$1,800**

PEMENANG KEDUA

**\$1,600**

PEMENANG KETIGA

**\$500**

3 HADIAH PENGHARGAAN

**\$100**

10 HADIAH SAGUHATI

## ESEI KONTEMPORARI

**\$1,000**

PEMENANG PERTAMA

**\$800**

PEMENANG KEDUA

**\$600**

PEMENANG KETIGA

**\$200**

3 HADIAH PENGHARGAAN

**\$50**

10 HADIAH SAGUHATI

Borang Penyertaan  
boleh didapati di kaunter penyambut tetamu,  
IPA / muatturun dari laman web  
[www.ipa.gov.bn](http://www.ipa.gov.bn) dan akhbar Pelita Brunei.

Esei yang lengkap hendaklah  
dihantar kepada setiausaha  
jawatankuasa peraduan  
menulis esei 2014.

Institut Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perdana Menteri  
Simpang 256-24, Jalan Kampong Rimba,  
Gadong BE3119  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Penyertaan  
Khamis, 29 Mei 2014

INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM

Simpang 256-24, Jalan Kampong Rimba, Gadong BE3119, Negara Brunei Darussalam Telefon: +673 2452223 (5 Talian) Faks: +673 2424081



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**  
**MINDEF/DFA/RC/180 3)**  
**COMPREHENSIVE MAINTENANCE**  
**SERVICE OF GYM EQUIPMENT - FIVE**  
**(5) YEARS CONTRACT**  
**Yuran Tawaran: \$50.00**  
**(tidak dikembalikan)**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 8 April 2014.**

Dokumen - dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter perkhidmatan Pelanggan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

Bayaran tawaran, 'Tender fee' hendaklah dibayar di Unit Kaunter Bahagian Kewangan Blok C, Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran:-**

**Isnin - Khamis :**  
**8.00 pagi - 3.30 petang**

**Jumaat :**  
**8.00 - 10.30 pagi**  
**2.00 - 3.30 petang**

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan

dilayan.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis panduan yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui laman web: <http://www.mindef.gov.bn>

## Lampiran A

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**  
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN**

**BIL TAWARAN : ( 5 ) JBS/ ADM/UP/2014**

**Peti Sebutharga,**  
**Tingkat 4,**  
**Jabatan Belia dan Sukan,**  
**Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,**  
**Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan,**  
**Simpang 336 - 17, Jalan Kebangsaan,**  
**Bandar Seri Begawan BA 1211**  
**Negara Brunei Darussalam.**

| BIL TAWARAN                | KETERANGAN                                                                                                     | YURAN TAWARAN | TARIKH TUTUP<br>Tidak Lewat Jam 2.00<br>Petang |
|----------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|------------------------------------------------|
| ( 031 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | PROPOSED SUPPLY AND DELIVERY OF NEW ADDITIONAL SOUND SYSTEM ACCESSORIES FOR MAINTENANCE UNIT.                  | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 039 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND INSTALL ADDITIONAL CCTV SYSTEM AND REPAIR THE EXISTING SYSTEM AT HASSANAL BOLKIAH NATIONAL STADIUM. | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 040 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND INSTALL NEW CCTV SYSTEM AT TRACK AND FIELD, HBNSC AND REPAIR CCTV SYSTEM AT SWIMMING POOL, HBNSC.   | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 041 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND INSTALL NEW CCTV SYSTEM AND REPAIR THE EXISTING CCTV SYSTEM AT YOUTH CENTRE, BANDAR SERI BEGAWAN.   | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 042 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND INSTALL NEW CCTV SYSTEM FOR YOUTH PARK AT HASSANAL BOLKIAH NATIONAL STADIUM AREA.                   | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 043 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PAKAIAN SERAGAM BAGI PENYELAMAT KOLAM RENANG JABATAN BELIA DAN SUKAN..                 | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 044 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND INSTALL RUGBY GOAL POST & CORNER FLEX POLE AT SUNGAI KEBUN SPORTS COMPLEX.                          | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 045 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND INSTALL SOCCER GOAL POST AT SUNGAI KEBUM SPORTS COMPLEX.                                            | \$5.00        | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 046 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND DELIVER : EURO LANDING AREA, WEATHERPROOF COVER, WHEELAWAY SHELTER, ALUMINUM PLATDOR AND STAND.     | \$10.00       | 26 MAC. 2014                                   |
| ( 047 )<br>JBS/ADM/QC/2014 | SUPPLY AND DELIVER TO JABATAN BELIA DAN SUKAN POLE VAULT COMPLETE SET.                                         | \$10.00       | 26 MAC. 2014                                   |

**Tarikh Tutup** : 24 Jamadilawal. 1435  
 26 Mac. 2014 ( Hari Rabu )  
**Jam** : Tidak Lewat Jam 2.00 Petang  
**Cagaran** : Seperti yang dinyatakan pada Keterangan Sebutharga -  
 Bagi setiap satu dokumen (Tidak dikembalikan)

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Bahagian Unit Hasil, Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Berakas, BA 1211, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu Menerima Bayaran**  
**ISNIN - KHAMIS**  
**8.30 PAGI - 11.30 PAGI**  
**SABTU**  
**8.30 PAGI - 10.30 PAGI**



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA**  
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JUALAN LELONG BAGI PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA SECARA TAWARAN AWAM**  
**(SEBUTHARGA)**

Jualan lelong secara tawaran awam (sebutharga) bagi 14 unit peralatan pejabat/elektrik seperti dinyatakan di bawah:

| BIL           | KETERANGAN                                           | HARGA<br>PERMULAAN | KATEGORI | KUANTITI  |
|---------------|------------------------------------------------------|--------------------|----------|-----------|
| 1.            | Mesin Taip berbagai jenis (Olympia, Canon)           | \$ 15.00           | Lot A    | 6         |
| 2.            | Mesin HP Officejet All in One (Fax/Printer/Scanner)  |                    |          | 1         |
| 3.            | Mesin Fax Sharp FO-P600                              |                    |          | 1         |
| 4.            | Kipas Angin berdiri berbagai jenis (Homotech, Akira) | \$ 6.00            | Lot B    | 6         |
| <b>JUMLAH</b> |                                                      |                    |          | <b>14</b> |

**TEMPAT MELIHAT** : Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar dan Desa,  
 Lapangan Terbang Lama, BSB.

**TARIKH TUTUP TAWARAN** : 25 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

**TEMPAT MENGHANTAR** : Peti Sebutharga, Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran,  
 Jabatan Perancang Bandar dan Desa,  
 Lapangan Terbang Lama, BSB.

**Syarat-Syarat Tawaran Lelong Awam:**

1. Tawaran adalah dibukakan kepada orang ramai.
2. Orang ramai yang hendak ikut serta dalam tawaran secara sebutharga ini hendaklah menggunakan borang yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa yang boleh diperolehi di Tingkat 2, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan.
3. Hanya pembeli yang berjaya dalam tawaran sebutharga ini akan dihubungi untuk urusan seterusnya.
4. Tawaran awam secara sebutharga yang berjaya dinilai berdasarkan kepada harga tawaran yang tertinggi.
5. Pembeli yang berjaya dikehendaki untuk membayar secara tunai dan seterusnya dikehendaki memindahkan peralatan berkenaan tidak lewat 3 hari dari tarikh pembayaran.

AA/eh



جابتن فئرغن جابتن فردان منتري  
JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI  
www.penerangan.gov.bn

## PERADUAN MENULIS ESEI

SEMPENA

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-30

ANJURAN

JABATAN PENERANGAN  
JABATAN PERDANA MENTERI

### SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- Dibukakan kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang berumur di antara 15 - 18 tahun.
  - Panjang esei di antara 500 - 700 patah perkataan.
  - Esei hendaklah bertemakan tema Hari Kebangsaan pada tahun ini iaitu "Generasi Berwawasan".
  - Setiap esei hendaklah asli dan bukan diciplak daripada mana-mana sumber dan hendaklah dihantar dalam bentuk 'hard copy' dan 'soft copy' bersama-sama borang penyertaan yang lengkap diisi.
  - Esei hendaklah ditulis dengan menggunakan 'font' bersaiz 12 dengan dua jarak langkau serta menggunakan kertas bersaiz A4
- Keputusan adalah muktamad.

### HADIAH

- Tempat Pertama - \$500
- Tempat Kedua - \$300
- Tempat Ketiga - \$200
- Saguhati x 5 - \$100

Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan sebelum 1 Mei 2014, Pukul 4.30 petang kepada:

Unit Perkhidmatan Media  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510  
Negara Brunei Darussalam



### BORANG PERADUAN MENULIS ESEI

SEMPENA

SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-30

NAMA: .....

UMUR: ..... tahun

NO.KAD PENGENALAN:.....

ALAMAT: .....

.....

.....

TELEFON:.....(M) .....(P) .....(R)



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI  
BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 212 TAHUN 2013  
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**RADZUAN BIN HAJI MOKSIN  
(BYIC No. 00-258123)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**RADZUAN BIN HAJI MOKSIN**  
No.198, Kampung Batang Tuau, Jalan ujong  
Jalan, Temburong PA3351

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 9 November 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 11 Januari 2014

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 26 Februari 2014, jam 10.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 26 Februari 2014, jam 10.30 pagi.

Bertarikh : 22 Januari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 179 TAHUN 2012  
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**1. DYG NOORALIFAH BINTI HAJI A.  
MANTOK(BYIC No. 00-073273)**

**2. PG. AZIZULAKBAR BIN PG. HAJI  
BADARUDDIN (BYIC No. 00-128932)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 13 April 2013.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**1.DYG NOORALIFAH BINTI HAJI  
A.MANTOK(BYIC No. 00-073273)**  
**2.PG. AZIZULAKBAR BIN PG. HAJI BA-  
DARUDDIN (BYIC No. 00-128932)**

No.86, Jalan Kilanas, Mulaut, Ban 6, Jalan  
Tutong BF2520

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 3 September 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 April 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 20 Februari 2014, jam 10.20 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 20 Februari 2014, jam 10.20 pagi.

Bertarikh : 25 Januari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 265 TAHUN 2013  
BIBD AT-TAMWIL BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**MASRI BIN MATASSAN**

**(BYIC No. 00-266147 / PC 4534)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 25 Januari 2014

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**MASRI BIN MATASSAN**  
No.14, Jalan 12, Kampung Perpindahan  
Lambak Kanan

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 24 Disember 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 25

Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 20 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 20 Mac 2014, jam 9.00 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 313 TAHUN 2011  
HSBC FINANCE (B) BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**DK. VIVY MELDA RINA BINTI  
PENGIRAN IBRAHIM**

**(BYIC No.00-281636)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**DK. VIVY MELDA RINA BINTI PENGI-  
RAN IBRAHIM**

No.24, Simpang 153, Jalan 3, Kampung  
Perpindahan Rimba Awam BE3119

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 10 September 2011

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 5 Mac 2014, jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mac 2014, jam 2.00 petang.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO.202 TAHUN 2013  
BAIDURI BANK BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**NUR HAZIYAH BINTI WASMALI  
(BYIC No.01-034976)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 13Jun 2013

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**NUR HAZIYAH BINTI WASMALI**  
No.23, Simpang 286-30-55-20-7, RPN  
Kampung Lumut, Kuala Belait KC2935

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 13 Disember 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Jun 2013.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 15 Mei 2014, jam 9.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 15 Mei 2014, jam 9.00 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 223 TAHUN 2013  
BAIDURI BANK BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**N.M ALIM BIN TAHA**

**(BYIC No. 00-111540)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**N.M ALIM BIN TAHA**  
No. 22, Simpang 363-30-37-3, Perpindahan  
Kampung Pandan C, Kuala Belait KA2131

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 3 Disember 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 22 Mac 2014, jam 10.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Mac 2014, jam 10.00 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 624 TAHUN 2012  
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**ALI HASSAN BIN HAJI AJAK  
(BYIC No.00-262591)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**ALI HASSAN BIN HAJI AJAK**  
No. 105'C', Lorong Bolkliah, Seria,  
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 17 Oktober 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 23 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 22 Mac 2014, jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Mac 2014, jam 9.45 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 646 TAHUN 2012  
STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**RUJILAN BIN HAJI TUAH  
(BPIC No. 30-105230)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**RUJILAN BIN HAJI TUAH**  
No.68, Simpang 88, Jalan Hj Halkus, Kam-  
pung Bunut, Jalan Tutong BF1320

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 17 Julai 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 30 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 5 Mac 2014, jam 10.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Mac 2014, jam 10.00 pagi.

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 90 TAHUN 2013  
STANDARD CHARTERED BANK**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**WEE ONG TING**

**(BPIC No. 30-084297)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 25 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**WEE ONG TING**  
No.8, Simpang 160-18-9, Bee Seng Garden,  
Jalan Berakas BS1351

Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada 25 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar

pada 22 Mac 2014, jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 22 Mac 2014, jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO.256 TAHUN 2013  
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**RAHIM BIN HAJI TUAH  
(BYIC No. 01-061074 / BPIC NO.**

**30-107117)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 9 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**RAHIM BIN HAJI TUAH**  
No.8, Jalan Kecil Masin, Simpang 616,  
Kampung Masin, Jalan Mulaut Limau Manis  
BH2327

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 30 November 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada 9 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 6 Mac 2014, jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 6 Mac 2014, jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 158 TAHUN 2013  
BIBD BHD**

... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen  
Vs

**ROSMADI BIN BUANG  
(BYIC NO. 00-250281)**

... Penghutang Penghakiman/Penentang  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 11 Januari 2014.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

**ROSMADI BIN BUANG**  
No.88, Kampung Selayun, Sengkurong  
BG1721

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisysen : 17 Oktober 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh pada 11 Januari 2014.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 6 Mac 2014, jam 9.15 pagi.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 6 Mac 2014, jam 9.15 pagi.

Bertarikh : 10 Februari 2014

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya di-bayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerimaan Rasmi  
Mahkamah Besar  
Negara Brunei Darussalam**


**KEMENTERIAN PERTAHANAN**
**No. Tawaran: JPPK /LTK/ 06/2014**

**Tajuk Tawaran :**  
**PROJEK MANAGEMENT SERVICES**  
**FOR PROPOSED 3 BLOCKS (48 UNITS)**  
**SFQ 'F' FLATS PHASE 5B, BRUNEI**  
**GARRISON, SERIA**  
**Yuran Tawaran : \$100.00**  
**(Tidak dikembalikan)**

**Kelas: TIDAK BERKENAAN**  
**Kategori: SPECIALST WORKS -**  
**PROJECT MANAGEMENT**

**Tempoh Penyiapan: SELARAS**  
**DENGAN PENYIAPAN PROJEK**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara

Brunei Darussalam, **dilanjutkan tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 25 Mac 2014.**

Dokumen-dokumen tawaran boleh diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1 Block D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). **Terakhir mengambil dokumen tawaran dilanjutkan pada 21 Mac 2014, hari Jumaat jam 4.00 petang.**

b. Bayaran Tawaran, Tender Fee hendaklah dibayar di **Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'C', Tingkat satu Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

**WAKTU BAGI MENERIMA**  
**BAYARAN**

**ISNIN - KHAMIS : 8.00 pagi - 3.00 petang**  
**JUMAAT :**  
**8.00 pagi - 10.30 pagi**  
**2.30 petang - 3.00 petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bon-fide tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Pemborong yang tidak memenuhi kelas dan kategori yang dinyatakan, tidak akan dibenarkan untuk menyertai tawaran ini.

e. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*bon-fide-tender*) dan tidak akan di layan.

g. **Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan**

hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

h. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

i. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan Rujukan dan Tajuk Tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.

j. Pembekal kelas rendah yang berkeinginan untuk ikut serta hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu dengan memohon secara bertulis kealamat Pengarah jabatanarah Pembangunan dan Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1, Block D, Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam. Permohonan tersebut hendaklah dihantar dan diterima oleh jabatan tidak lewat satu minggu dari tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran.



**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI**  
**DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 268 TAHUN 2013**  
**BIBD AT-TAMWIL BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen Vs**

**ABD AZIS BIN HAJI WAHAB**  
**(BYIC NO. 00-110509 )**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **18 Januari 2014.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:  
**ABD AZIS BIN HAJI WAHAB**  
 No. 80 Jalan Laila Wijaya,  
 Perpindahan Mata-Mata, Gadong BE1918  
 Brunei Darussalam  
 Tarikh Petisysen: 16 November 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Januari 2014.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **15 Mac 2014, jam 9.15 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Mac 2014, jam 9.15 pagi.**

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 220 TAHUN 2013**  
**BAIDURI BANK BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen**  
**HASSAN BIN SITAM**  
**(BYIC NO. 00-0252027)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **23 Januari 2014**

Nama dan alamat terakhir diketahui:  
**HASSAN BIN SITAM**  
 No. 425, Kampung Belingus, Jalan Batang Duri, Temburong PA3115 Brunei Darussalam  
 Tarikh Petisysen: 5 Disember 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Januari 2014.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Mac 2014, jam 10.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Mac 2014, jam 10.00 pagi.**

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 288 TAHUN 2013**  
**BAIDURI BANK BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen Vs**

**1. CHOW KIM CHOY**  
**(BPIC NO. 30-083818**  
**2. CHIEW KIM VONG**  
**(BPIC NO. 30-101177**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **6 Februari 2014.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**1. CHOW KIM CHOY (BPIC NO.30-083818**

**2. CHIEW KIM VONG (BPIC NO. 30-101177**

**Lot. 31236, Simpang 53, Jalan Telanai Kam-pung Beribi BE1118**

**No. 1 Simpang 99-34-60-6, Jalan Beng-kurung Masin**

**Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisysen: 24 Disember 2013**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **6 Februari 2014.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **20 Mac 2014, jam 10.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **20 Mac 2014, jam 10.00 pagi.**

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 295 TAHUN 2013**  
**BIBD AT-TAMWIL BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen Vs**

**NORERNY NBINTI EMRAN**  
**(BYIC NO. 00-304883)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **25 Januari 2014**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**NORERNY NBINTI EMRAN**

**No.5 Simpang 113-29-4, STKRJ Rimba**

**Gadong Belait Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisysen: 24 Disember 2013**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **25 Januari 2014.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **13 Mac 2014, jam 9.45 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **13 Mac 2014, jam 9.45 pagi.**

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 169 TAHUN 2013**  
**HSBC FINANCE (B) BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen Vs**

**MD. JALANI BIN PERAK**  
**(BYIC NO. 00-059627)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **18 Januari 2014**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**MD. JALANI BIN PERAK**

**Block F1, No. 1, Perumahan Jabatan Ban-daran, Kampung Sinarubi, Bengkurong, Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisysen: 28 Oktober 2013**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 Januari 2014.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **15 Mac 2014, jam 9.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **15 Mac 2014, jam 9.00 pagi.**

Bertarikh : 4 Februari 2014

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **5 Mac 2014, jam 10.15 pagi.**

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 246 TAHUN 2013**  
**BIBD AT-TAMWIL BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen Vs**

**ABDUL ADIB BIN HAJI JUDIN**  
**(BPIC NO. 31-302578 )**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **23 Januari 2014.**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**ABDUL ADIB BIN HAJI JUDIN**

**No. 67R Simpang 665-63, Jalan Membarong**

**Kampung Lumapas BJ3324**

**Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisysen: 3 Disember 2013**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Januari 2014.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **22 Mac 2014, jam 10.15 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **22 Mac 2014, jam 10.15 pagi.**

Bertarikh : 18 Februari 2014

**KEBANKRAPAN NO. 422 TAHUN 2011**  
**BAIDURI BANK BHD**

**... Pemiutang Penghakiman/Pemetisysen Vs**

**RAKEEMAH BINTI HAJI DOLLAH**  
**(BYIC NO. 00-268147)**

**... Penghutang Penghakiman/Penentang**  
**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap penghutang yang berikut pada **2 November 2014**

Nama dan alamat terakhir diketahui:

**RAKEEMAH BINTI HAJI DOLLAH**

**No. 19 'A', Simpang 120-48-35-28, STKRJ**

**Kampung Mumong Kuala Belait KA1731**

**Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisysen: 14 Februari 2012**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG**  
**UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh

**2 November 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **11 Mac 2014, jam 2.45 petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 Mac 2014, jam 2.45 petang.**

Bertarikh : 10 Februari 2014

**SYARIKAT (PENGKULUNGAN) NO.10**  
**TAHUN 2013**

**DALAM PERKARA AKTA**  
**SYARIKAT, BAB 39**

**DAN**

**DALAM PERKARA JOEREMEE UTO**  
**SDN BHD**

**NOTIS PERINTAH PENGKULUNGAN**

Nama Syarikat : JOEREMEE AUTO SDN

BHD

Alamat pejabat Berdaftar : No.20 Ground Floor, Hj Daud Complex, Jalan Gadong BE3919, Brunei Darussalam.

Tarikh perintah Pengkulangan: 10 Oktober 2013

Tarikh dan Tempat perjumpaan: 23 Januari 2014 jam 9.30 pagi

Pejabat Pegawai Rasmi

Mahkamah Besar

jalan Tutong

Negara Brunei Darussalam

Bertarikh : 02 Januari 2014

**NOTIS PERJUMPAAN PERTAMA**  
**PEMIUTANG**

(Di bawah Perintah Pengkulangan bertarikh **10 Oktober 2013).**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **05 Mac 2014, jam 11.00 pagi .**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **05 Mac 2014, jam 11.00 pagi.**

Bertarikh : 2 Januari 2014

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**  
**Mahkamah Besar**

# Masjid Pandan tumpuan Majlis Pelancaran Khatam Al-Qur'an

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT**, Selasa, 11 Mac. - Seperti daerah-daerah lain, Daerah Belait juga turut sama melancarkan Pembacaan Al-Qur'an 68 Kali Khatam bagi Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Seluruh Negara.

Majlis sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-68 Tahun, berlangsung di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, di sini.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat.

Peserta-peserta terdiri daripada 68 orang bagi setiap kategori meliputi kategori lelaki dewasa berusia 21 tahun ke atas yang terpilih dan diwakili oleh penghulu, ketua kampung, imam dan penduduk kampung, kategori wanita dewasa berusia 21 tahun ke atas mewakili mukim dan kampung.

Juga menyertai kategori belia berusia 13 hingga 20 tahun bagi mewakili mukim dan kampung termasuk pelajar-pelajar sekolah Arab dan skim tilawah Al-Qur'an remaja, kategori beliawanis berusia 13 hingga 20 tahun mewakili mukim dan

kampung termasuk pelajar-pelajar sekolah Arab dan skim tilawah Al-Qur'an remaja dan kategori kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah lelaki dan perempuan pula mewakili sekolah-sekolah agama, sekolah Arab dan skim tilawah Al-Qur'an remaja.

Majlis tersebut adalah bagi memohon doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta kekal qarar memerintah Negara Brunei Darussalam dengan hidayah dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, majlis juga bagi menzahirkan kesyukuran rakyat dan penduduk negara ini kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan nikmat-Nya menjadikan Negara Brunei Darussalam di bawah kepimpinan baginda sentiasa berada dalam keadaan aman dan sejahtera.

Selain itu, majlis juga bagi mendukung hasrat baginda untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir dan sebagai manifestasi penghayatan terhadap falsafah negara Melayu Islam Beraja sebagai sistem yang mengatur cara hidup di negara ini ke arah perpaduan yang kukuh dan



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Dr. Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin hadir selaku tetamu kehormat dan sama-sama membaca Al-Qur'an.

kesejahteraan yang penuh harmoni.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu dan diikuti dengan bacaan beramai-ramai.

Majlis disudahi dengan bacaan doa selamat oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Daerah Belait, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin.

Hadir di majlis tersebut termasuk Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta ahli-ahli MPMK.



**MAJLIS** Pelancaran Membaca Al-Qur'an 68 Kali Khatam juga disertai oleh kanak-kanak.

## Pupuk kesedaran kepentingan keusahawanan dan celik kewangan

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**LAMBAK KANAN**, Selasa, 11 Mac.- Bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tentang menyedari kepentingan keusahawanan dan celik kewangan, Kementerian Pendidikan buat buat kali keduanya mengadakan Minggu Kewangan Global Brunei 2014, bertempat di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan kemudiannya melancarkan Minggu Kewangan Global Brunei 2014 (Brunei Global Money Week 2014) ialah Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Datin Dr. Dayang Hajah Asmah binti Haji Morni.



**PEMANGKU** Ketua Pengarah Pendidikan, Datin Dr. Dayang Hajah Asmah binti Haji Morni selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Sebanyak 18 buah sekolah terdiri dari pelajar-pelajar peringkat rendah, menengah dan maktab teknik seluruh negara menyertai minggu kewangan global tersebut.

Terdahulu, Pemangku Pengarah, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Yusof bin Haji Jemudin dalam ucapannya menyatakan bahawa, minggu tersebut diadakan setiap tahun di seluruh dunia, yang mana ianya diselenggarakan oleh organisasi yang bukan berkeuntungan dan juga

remaja serta kanak-kanak kewangan antarabangsa, Belanda.

Menurut beliau, minggu kewangan global disambut di 100 buah negara bermula pada 10 Mac hingga 17 Mac tahun ini.

Oleh itu, pelbagai aktiviti dan pertandingan jelasnya telah dirancang untuk memupuk kesedaran mengenai keusahawanan dan celik kewangan kepada pelajar-pelajar yang berumur di antara tujuh hingga 24 tahun.

Selain aktiviti dan pertandingan, para peserta juga akan mengikuti program lain yang memuatkan bengkel *visioning*, bengkel kecekapan berinovasi dan sebagainya.

Pada majlis itu juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta yang mengikuti bengkel yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Sempena minggu kewangan tersebut, Kementerian berkenaan melalui Unit Perniagaan dan Keusahawanan dan Unit Kajian Sosial mengetuai pelbagai aktiviti yang dikendalikan oleh beberapa agensi kerajaan dan sektor swasta di negara ini yang bermula 10 Mac hingga 17 Mac 2014.

## 50 peserta ikuti Pertandingan Membaca Al-Qur'an

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 11 Mac. - Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1435H / 2014M diadakan selama dua hari berturut-turut bermula hari ini, bertempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kampung Pulaie, di sini.

Di Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan ini, seramai 50 peserta (33 qari dan 17 qariah) mengikuti pertandingan berkenaan, yang terdiri daripada 40 peserta dari Peringkat Suku Akhir Kebangsaan yang telah diadakan di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar baru-baru ini dan sepuluh peserta lagi telah bertanding dalam Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1434H / 2013M (pada tahun lepas).

Sehubungan itu, pertandingan tersebut telah menampilkan seramai 25 peserta (16 qari dan 19 qariah) bagi memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an masing-masing.

Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan merupakan projek tahunan KHEU yang antara lain bertujuan memilih qari dan qariah bagi memasuki ke Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1435H / 2014M.

Selain itu, pertandingan tersebut juga diharap dapat memberikan pendedahan dan galakan dalam meningkatkan mutu pembacaan qari dan qariah, di samping membuka minda dan minat kepada masyarakat dalam mempelajari teknik bacaan yang betul dan bersistematik.

Pertandingan tersebut dikendalikan oleh Bahagian Kemajuan Syiar Islam dengan kerjasama PDI, KHEU, Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah Cenderamata Pertandingan Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1435H / 2014M akan diadakan pada hari Rabu (malam Khamis), 12 Mac 2014, pukul 8.00 malam di tempat yang sama.

### Ralat

**KELUARAN** Pelita Brunei, Edisi Khamis, 13 Mac 2014 dalam muka surat 14, bertajuk 'Balai Bomba Terbuka: Peluang memahami tugas JBP' merujuk kapsyen gambar yang asalnya disebut sebagai Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Suhaili menyaksikan antara peralatan bomba dan penyelamat yang dipamerkan semasa Balai Bomba Terbuka sempena Hari Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong adalah sebetulnya: Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim menyaksikan antara peralatan bomba dan penyelamat yang dipamerkan semasa Balai Bomba Terbuka sempena Hari Jabatan Bomba dan Penyelamat Ke-54 Tahun bagi Daerah Temburong. Kesilapan ini adalah amat dikesali. Ketua Penyuntingan



**PEMANGKU** Ketua Pengarah Pendidikan, Datin Dr. Dayang Hajah Asmah semasa menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang peserta bengkel.

## Kejohanan Badminton Kebangsaan 2014



TETAMU kehormat, Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan NBD, Awang Haji Antin Ahad bergambar dengan pemenang Kategori Perempuan Perseorangan Remaja.

## Pemain berpotensi boleh melangkah lebih jauh

Berita dan Foto: Samle Haji Jait

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 Mac. - Kejohanan Badminton Kebangsaan 2014 sangat signifikan kepada peserta yang menunjukkan prestasi cemerlang untuk di sokong oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk didaftarkan secara rasmi sebagai pemain-pemain badminton mewakili negara pada Badminton World Federation dan Badminton Asia Confederation.

Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan NBD, Awang Haji Antin Ahad berkata, pemain-pemain berpotensi itu akan menerima kelayakan untuk bermain di kejohanan Antarabangsa anjuran kedua-dua federasi dan konfederasi berkenaan.

“Kejohanan inilah merupakan fasa kedua untuk menguji kemahiran dan mental para pemain sebagai persiapan untuk melalui fasa ketiga iaitu mewakili negara dalam kejohanan diperingkat serantau dan antarabangsa,” jelasnya pada perlawanan akhir Kejohanan Badminton Kebangsaan 2014 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kejohanan yang mendapat penyertaan yang mengalakkan itu dibahagikan kepada enam kategori. Perseorangan Lelaki Remaja telah dimenangi oleh Awang Aiman Hafizul Akram Abdullah dan Dayang Celeny Rohana Roma Tius anak Tikom menjuarai Perseorangan Perempuan Remaja.

Bagi Kategori Bergu Lelaki Remaja telah dijuarai oleh Awang Ryeno anak Lambai yang berpasangan dengan Awang Anyar Anak Aladdin selepas menewaskan pasangan Awang Md. Arif dan Md. Ali Fadillah.

Awang Rahman Haji Md. Tahir pula berjaya meraih pingat emas selepas menyingkirkan Awang Sheril Shahrizwan Tikom bagi kategori Perseorangan Lelaki Terbuka dan Dayang Siti Marina menjuarai Perseorangan Perempuan Terbuka.

Pasangan Dayang Ermadena Haji Tali dan Dayang Sia Kok An dipaksa berkerja keras menewaskan gandingan berpengalaman, Awang Zailani Yun dan Awang Amran Kambar sebelum mengukup pingat emas acara Bergu Lelaki Terbuka.

Sementara, pasangan Dayang Noornekma Haji Md. Rosley dan Dayang Sabrinah Haji Md. Saat tidak bernasib baik untuk menumpaskan pasangan Dayang Yeo Siao Yien dan Dayang Lai Ling Wei yang memastikan Kategori Bergu Perempuan Terbuka milik mereka.

Bagi Kategori Bergu Lelaki Veteran pula dijuarai oleh pasangan Awang Yusof dan Awang Robert selepas menumpaskan pasangan Awang Haji Mohammad Daud Haji Ismail dan Awang Ng Hui Hua.



Juara Kategori D : Bergu Lelaki Terbuka.



Juara Kategori B : Bergu Lelaki Remaja.



Kategori D : Bergu Perempuan Terbuka.



Kategori A : Perseorangan Lelaki Remaja.

### KEPUTUSAN PENUH KEJOHANAN BADMINTON KEBANGSAAN 2014

**Kategori A: Perseorangan Lelaki Remaja**  
Juara - Aiman Hafizul,  
Naib Juara - Md Arif Haji Md Serudin,  
Tempat Ketiga - Md Nazirul Syahrihan Md Azmay

**Kategori A: Perseorangan Perempuan Remaja**  
Juara - Celeny Rohana Roma Tius Anak Tikom  
Naib Juara - Nurmasrinah Adi-Dah Maslan  
Tempat Ketiga - Siti Nurhayati Md Jefri

**Kategori B: Bergu Lelaki Remaja**  
Juara - Ryeno Anak Lambai/ Anyar Anak Aladdin  
Naib Juara - Md Arif/Md Ali Fadillah  
Tempat Ketiga - Abdul Waie Seri Puspa/Safri Md Elisah

**Kategori C: Perseorangan Lelaki Terbuka**  
Juara - Rahman Haji Md Tahir  
Naib Juara - Sheril Shahrizwan bin Tikom  
Tempat Ketiga - Ak. Abdul Halim Pg. Haji Ismail

**Kategori C: Perseorangan Perempuan Terbuka**  
Juara - Siti Marinah Md Salleh  
Naib Juara - Noornekma Rainah Haji Rosley  
Tempat Ketiga - Sazelinah Haji Mohammad Saat

**Kategori D: Bergu Lelaki Terbuka**  
Juara - Ermaden Haji Talip/Sia kok An  
Naib Juara - Zailani Yun/Amran Kambar  
Tempat Ketiga - Yusman Md. Jenin/Md Shahrul Mohd. Jenin

**Kategori D: Bergu Perempuan Terbuka**  
Juara - Yeo Siao Yien/ Lai Ling Wei  
Naib Juara - Noornekma Haji Md Rosley/Sabrina Haji Md Saat  
Tempat Ketiga - Christina Fah/Fairuzzah Kifli

**Kategori E: Bergu Lelaki Veteran**  
Juara - Yusof Hj Ghani/Robert Liaw  
Naib Juara - Haji Mohammad Daud Haji Ismail/ Ng Hui Hua  
Tempat Ketiga - Pg. Haji Ismail Pg. Haji Othman/ Mohammad Haji Othman

## Akhiri kemarau kejayaan peringkat kebangsaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 12 Mac. - Jaguh Kategori Perseorangan Lelaki Terbuka Badminton Kebangsaan 2014, Awang Rahman Haji Md. Tahir menyifatkan kejayaannya sebagai satu semangat baru selepas gagal sebanyak tiga kali pada perlawanan peringkat kebangsaan yang lalu.

“Kejayaan ini mengakhiri kemarau kemenangan malah ia merupakan landasan untuk terus mengukir kejayaan pada kejohanan mendatang,” jelasnya selepas menumpaskan Awang Sheril Shahrizwan Tikom dengan kiraan 21-17 dan 21-18.

Pemain berpotensi yang pernah mewakili negara pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA), kejohanan Sekolah-Sekolah ASEAN dan Sukan Arafura mengakui peningkatkan pemain-pemain baru mempunyai potensi, bagaimanapun perlu mendapat lebih banyak peluang dengan menyertai kejohanan-kejohanan pendedahan di luar negara.

Beliau mengakui dengan menyertai kejohanan berkenaan sudah tentu akan mengilap potensi pemain-pemain terutama ketika bertemu pemain-pemain yang mempunyai



AWANG Rahman Haji Md Tahir menjuarai kategori Perseorangan Lelaki Terbuka.

lebih banyak pengalaman.

Beliau memuji langkah Persatuan Badminton Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dalam mengukir kejohanan berkenaan dan telah mendapat sambutan yang baik dari kalangan pemain badminton dalam berbagai peringkat.

“Hasrat Persatuan untuk menyerap pemain berpotensi mewakili negara untuk menyertai kejohanan peringkat serantau dan antarabangsa merupakan satu usaha yang baik sekali gus untuk mengangkat nama negara menerusi bidang badminton,” ujarnya.



Kategori C : Perseorangan Perempuan Terbuka.

# Berangkat meninggalkan Kuwait

Laporan : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Masri Osman dari Bandaraya Kuwait

**BANDARAYA KUWAIT**, Khamis, 13 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berangkat meninggalkan Kuwait setelah menamatkan keberangkatan rasmi selama lima hari.

Sebelum berangkat meninggalkan Istana Bayan, tempat persemayaman Duli Yang Teramat Mulia sepanjang keberangkatan ke Kuwait, doa selamat dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid.

Sejurus berangkat tiba di Terminal Amiri, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuwait, DYTМ berkenan melintasi Kawalan Statik yang terdiri daripada para anggota Pasukan Kawalan Amiri, Istana Bayan.

DYTМ disembahkan ucapan selamat berangkat oleh Chief of the Mission of Honour, selaku Menteri Pengiring, Tuan Yang Terutama Counselor Nasser Abdullah Mishari Al-Rawdhwan.

Turut berada di lapangan terbang bagi mengucapkan selamat berangkat ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Kuwait, Tuan Yang Terutama Pengiran Haji Mustapha bin Pengiran Haji Aliuddin.

Juga mengiringi DYTМ ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Negara Brunei Darussalam dan Kuwait telah menubuhkan hubungan diplomatik pada 1 Mei 1990, dan kedua-dua buah negara telah mengembangmajukan hubungan kerjasama dalam bidang Ekonomi dan Teknikal; Perdagangan; Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara; serta Minyak dan Gas.

Sejak penubuhan diplomatik, kedua-dua negara merancang beberapa strategi untuk mengeratkan lagi



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berangkat sebelum meninggalkan Istana Bayan, tempat persemayaman DYTМ, doa selamat dibacakan (atas), sementara gambar atas kanan, hadir bagi menyembahkan ucapan selamat berangkat kepada DYTМ ialah Chief of the Mission of Honour, selaku Menteri Pengiring, Tuan Yang Terutama Counselor Nasser Abdullah Mishari Al-Rawdhwan, manakala gambar kanan, DYTМ berangkat meninggalkan Kuwait setelah menamatkan keberangkatan rasmi.**

hubungan dengan mengadakan pertukaran lawatan antara pemimpin, pembesar dan juga mengadakan mesyuarat dua hala antara Negara Brunei Darussalam dan Kuwait.



## Memohon penemuan, keselamatan penumpang MH370



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat dan Doa Khas sebagai tanda simpati dan bagi memohon penemuan dan keselamatan para penumpang pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang dilaporkan hilang sejak hari Sabtu yang lalu (kiri), sementara gambar kanan, Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah para jemaah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.**

### Dari muka 1

Sembahyang Fardu Maghrib diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Mustapa bin Haji Murat, manakala Sembahyang Sunat Hajat pula diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan seterusnya membacakan Doa Khas bagi memohonkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala,

mudah-mudahan kapal yang hilang itu akan dapat ditemui semula dengan izin Allah jua, di samping diberikan kemudahan kepada semua pasukan misi pencari dan penyelamat dalam pencarian pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370 yang hilang.

Dalam pada itu, ianya juga bagi memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kuatkan dan tabahkan hati ahli-ahli keluarga mangsa di dalam menghadapi musibah tersebut serta memelihara keselamatan dan kesejahteraan semua penumpang, juruterbang dan anak buah kapal yang terlibat daripada apa

jua bala bencana dan daripada sebarang kecelakaan serta kemudaratan terhadap jiwa raga dan ancaman malapetaka yang zahir dan tersembunyi.

Hadir sama ialah Pembesar-Pembesar Negara, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam, pegawai - pegawai kanan kerajaan serta jemaah-jemaah masjid dan penduduk-penduduk kampung sekitarnya.

## 'MEMBENTUK AKHLAK DENGAN MENUTUP AURAT DENGAN SEMPURNA'

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.